

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"KESEJAHTERAAN masih saja boleh diraih dari keamanan, walaupun ekonomi global bermasalah. Dengan bermodalkan keamanan, kita masih saja ada peluang untuk memperbaiki keadaan, sama ada melalui usaha-usaha peningkatan ataupun setakat bertahan."

- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2016.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN ingatlah Tuhanmu dalam hatimu dengan rendah hati dan dengan perasaan takut dan bukan dengan suara yang nyaring pada waktu pagi dan petang, dan janganlah engkau menjadi daripada orang-orang yang lalai." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-A'raf ayat 205).

TAHUN 61 / BILANGAN 30

9 MAC 2016 / 1437 جمادى الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Ibadah Republik Costa Rica, Tuan Yang Terutama Manuel A. Gonzalez Sanz yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka Lawatan Kerja.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Ibadah Republik Costa Rica telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Costa Rica, serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa.

Menyertai bersama TYT Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Ibadah Republik Costa Rica pada Majlis Mengadap itu ialah Duta Besar Republik Costa Rica ke Republik Korea, Tuan Yang Terutama Rodolfo Solano Quiros.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng. Majlis tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Ibadah Republik Costa Rica, Tuan Yang Terutama Manuel A. Gonzalez Sanz.

BND5.6 bilion dibentangkan

Jana pelbagai sumber ekonomi lebih *sustainable*, progresif

Laporan : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus meningkatkan lagi inisiatif-inisiatif untuk membina asas ekonomi yang lebih kukuh, stabil, seimbang berlandaskan dasar 'Pro-Investment' dengan matlamat untuk mencapai 'Fiscal Sustainability' dan mendukung dasar mempelbagai ekonomi negara bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 berdasarkan tema 'Mengukuhkan Iklim Perekonomian bagi Mendukung Pembangunan Berterusan.'

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara itu ketika membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016 / 2017 pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, tema tersebut memberikan mesej yang cukup jelas akan penekanan kerajaan pada mudah cara aktiviti perniagaan dan pelaburan negara, dengan didukung oleh modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi; peningkatan produktiviti negara dan kesejahteraan awam. Kesemua ini adalah faktor-faktor penting dalam menyumbang dan mendukung pembangunan negara secara berterusan dan semua kementerian dan agensi kerajaan akan memberikan penekanan dan tumpuan perbelanjaan antaranya menyediakan prasarana perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif, mudah cara aktiviti perniagaan dan meningkatkan produktiviti sektor awam.

Ke muka 9

Berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016 Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali (Lihat muka 3 dan 4).

Beri perhatian bagaimana memperkasa ekonomi

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil'alameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul sekali lagi di Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2016 pada hari ini.

Beta gembira mengikuti perkembangan persidangan sejauh ini yang telah memainkan peranannya dengan baik. Beta ingin mengulangi lagi betapa pentingnya perbincangan memfokus perkara-perkara strategi yang membawa impak kepada negara. Sesuai dengan namanya Permesyuaratan MMN.

Janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai. Jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan pembaikan.

Pendek kata, apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Untuk itu, sangat perlu bagi ahli-ahli mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Mereka perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan.

Beta juga sukacita ingin mendengar saranan-saranan atau buah fikiran Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas.

Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2016 pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 Hijrah bersamaan 5 Mac 2016 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat.

Saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan hendaklah dibuat bukan atas kepentingan diri sendiri atau hanya mendengar dari satu pihak sahaja tanpa membuat kajian mendalam mengenainya.

Jika ini berlaku ia boleh saja menjadi perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik untuk dibawa ke dewan ini.

Perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta. Pada setakat ini dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur, perundangan yang pro-bisnes.

Misalnya pendaftaran syarikat perniagaan sekarang sudah boleh dibuat secara *online* dalam tempoh hanya satu hari sahaja. Dan sementara lesen perniagaan tidak diperlukan lagi bagi sebahagian jenis perniagaan.

Juga dengan adanya pusat perusahaan kecil dan sederhana adalah diharapkan perusahaan-perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana akan dapat berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self-sufficient* kepada berasaskan eksport. Kita sudah ada rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan baru-baru ini TPP bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

Apa yang tinggal ialah usaha-usaha mantap ke arah kejayaan, kita perlu cekap merebut peluang-peluang yang ada, kerana itu beta menyeru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada, bukan sahaja bagi merebut peluang-peluang yang ada dalam negara malah lebih jauh peluang-peluang serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah mula beroperasi di negara ini dan terdapat beberapa lagi pelaburan baharu yang masih dalam penelitian.

Oleh itu, usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian negara perlulah terus dipertingkatkan dan diperkembangkan.

Pada hemat beta, kita masih boleh dan mampu untuk melakukan yang terbaik dengan syarat kita tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada.

Di bidang kewangan sungguhpun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan, namun kita mesti mengambil sikap berhemah dalam berbelanja dengan cara lebih melihat kepada keperluan dan keutamaan.

Akhir kalam beta menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis-Mesyuarat supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini, sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar.

Apa jua permasalahan itu perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding. Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

9 MAC 2016 BERSAMAAN 1437 جمادى الأول 29

SYARIKAT TEMPATAN DIGESA TEROKAI PASARAN GLOBAL

SYARIKAT tempatan adalah diseru untuk mula meneroka pasaran eksport agar industri tempatan tidak bersikap puas hati dengan pencapaian mereka di pasaran tempatan. Perkara tersebut telah diutarakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Ali bin Haji Apong semasa sesi membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sesi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke-12 bagi mengupas isu-isu ekonomi kritikal yang ditekankan oleh baginda ketika berkenan merasmikan MMN ke-12 baru-baru ini.

Yang Berhormat turut mendapati bahawa syarikat-syarikat tempatan yang sudah mencapai tahap tertentu sudah berpuas hati dengan pencapaian mereka, sekali gus mengakibatkan hasil pendapatan mereka sepanjang 10 tahun adalah sama saja. Syarikat terbabit tidak tumbuh sebaliknya hanya membuat sasaran kepada pasaran dalam negara dan masih tidak dapat menembusi pasaran eksport.

Perkara tersebut juga sama dengan syarikat yang ditadbir oleh anggota keluarga dan bukannya oleh orang profesional tanpa mengikuti amalan urus tadbir terbaik, yang secara keseluruhannya akan mengakibatkan pengurus dana pelaburan tidak berasa selesa dan memakan masa panjang untuk membuat penilaian sama ada ingin menyuntik modal ke dalam syarikat terbabit.

Jelas Yang Berhormat lagi, suntikan modal hanyalah akan berkesan sekiranya syarikat berkenaan mempunyai ekspresi untuk tumbuh secara berterusan termasuk untuk menembusi pasaran eksport dan menghargai urus tadbir baik, mempunyai buku kira-kira yang terkini serta menghargai 'talent' dalam pengurusan dan lain-lain.

Sebelumnya, Yang Berhormat menggariskan inisiatif kerajaan dalam menyediakan pelbagai program bagi mengembangukan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pelaburan asing langsung (FDI) di negara ini.

Menurut Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menarakan supaya industri-industri tempatan tidak hanya menyasarkan sara diri semata-mata, sebaliknya mengharapakan supaya industri-industri tempatan meneroki pasaran eksport dengan merebut peluang-peluang pasaran serantau dan antarabangsa yang luas melalui rangkaian-rangkaian pemangkin yang sedia ada seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan Perkongsian Perdagangan Trans Pasifik (TPPA), bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu, kerajaan telah menyediakan pelbagai program termasuk program bagi memudahkan orang ramai memulakan perniagaan, program mengembangkan pengusaha kecil dan sederhana (PKS), program menggalakkan perkembangan pelaburan langsung asing di negara ini.

Jelas Yang Berhormat lagi, kerajaan juga telah menubuhkan Dana Pelaburan (SDC) untuk membuat pelaburan dalam syarikat FDI dan PKS dalam negara, tertakluk kepada kesediaan syarikat tersebut.

Di samping itu, penubuhan SDC adalah sebagai penyedia dana kepada perusahaan tempatan dan FDI yang berminat untuk bertapak dan berkembang kerana selama ini suntikan pelaburan dana daripada SDC kebanyakannya adalah kepada syarikat FDI. Hal ini kerana syarikat FDI yang melabur adalah syarikat yang mempunyai rekod perdagangan (track record) yang telah terbukti daripada segi pertumbuhan hasil dan jualan di peringkat antarabangsa.

Kedatangan FDI ke negara ini jelas Yang Berhormat, bukan menyasarkan kepada pasaran tempatan, sebaliknya untuk eksport ke negara ASEAN dan antarabangsa kerana kebanyakan mereka adalah syarikat yang tersenarai di pasaran saham di negara masing-masing.

Oleh yang demikian, dengan adanya inisiatif penubuhan SDC adalah bersesuaian kerana dana itu memberikan fokus kepada PKS tempatan yang sudah mempunyai produk dan perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan, dengan syarat pihak pengurusan syarikat sentiasa berfikir terbuka untuk mengamalkan urus tadbir baik dan untuk terus tumbuh sehingga ke luar sempadan negara. — **Ketua Penyunting (Rd)**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 31°C / 26°C
MUARA		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 31°C / 26°C
PEKAN BANGAR		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 31°C / 26°C
PEKAN TUTONG		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 31°C / 26°C
PEKAN SERIA		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 31°C / 26°C
KUALA BELAIT		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 31°C / 26°C
Wallaahuallam Bissawab		

Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERBURUHAN
Telefon: 2345567 Talian Cuaca: 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratihi Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Marlinawaty Hussin,
Ak. Sy'aruddin Pg. Dauddin

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Noriah Haji Abdul Hamid

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad bin Kahar

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizhuddin Tasad

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016 Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam (atas kanan). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada Masyarakat Tiong Hwa yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016 Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung

oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, selaku Penasihat Majlis Ramah Mesra dan Awang Lau Shiew Yuen, selaku Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis tersebut.

Keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke majlis tersebut mencerminkan sikap keprihatinan dan pemedulian



KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesembah daripada Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah kiri).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Sahrizal Haji Said

terhadap masyarakat pelbagai kaum di negara ini termasuk Masyarakat Tiong Hwa.

Masyarakat Tiong Hwa yang menetap di negara ini bukan saja memainkan peranan dalam pembangunan negara dalam

pelbagai bidang, malah mereka juga sentiasa berganding bahu dalam memberikan sumbangan dari segi kebajikan kepada masyarakat berbilang bangsa.

Ke muka 4



PARA penuntut dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Belait mempersembahkan tarian tradisi Melayu yang memeriahkan lagi suasana Majlis Ramah Mesra tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta kerabat diraja yang lain dijunjung menyertai sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Persatuan Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam sejourus keberangkatan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016 Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal



Dari muka 3

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal

Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Sejourus keberangkatan, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain dijunjung menyertai sesi bergambar ramai bersama-sama Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Persatuan Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016 dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Persatuan Masyarakat Tiong Hwa sempena Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016.

Majlis tersebut turut diserikan dengan beberapa persembahan tarian daripada murid-murid Sekolah Menengah Chung Hwa, Belait; Kumpulan Akrobatik Wilayah Jiangsu, Republik Rakyat China dan persembahan silap mata masing-masing dari Malaysia dan

Republik Rakyat China.

Antara persembahan yang dipersembahkan oleh penuntut Sekolah Menengah Chung Hwa, Belait ialah persembahan tarian 'Gemilang', Inang dan Zapin, 'Rang De'dan tarian yang mengisahkan suasana 'Musim Bunga'.

Manakala Kumpulan Akrobatik Wilayah Jiangsu mempersembahkan persembahan akrobatik, iaitu 'Children with Drums' dan 'Moonlight Over The Lotus Pond',

'Ball Skills', 'Thriving', 'Blossom', 'Spinning Plates' atau 'Plates Spinning'.

Majlis Ramah Mesra diakhiri dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah.



ANTARA persembahan warna-warni yang memeriahkan Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016 Masyarakat Tiong Hwa Negara Brunei Darussalam.



ANTARA yang hadir pada Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Cina 2016.

DYTM berkenan menerima mengadap

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Ibadah Republik Costa Rica, Tuan Yang Terutama Manuel A. Gonzalez Sanz yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka Lawatan Kerja.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Menyertai rombongan Tuan Yang Terutama ialah Duta Besar Republik Costa Rica ke Republik Korea, Tuan Yang Terutama Rodolfo Solano Quiros.

Juga hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Ibadah Republik Costa Rica, Tuan Yang Terutama Manuel A. Gonzalez Sanz yang berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka Lawatan Kerja.

Berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Akrobatik

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Selasa, 8 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar berkenan menyaksikan sebahagian daripada Pameran Foto sempena Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China Ke-25 Tahun.

Bakar berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Akrobatik yang berlangsung di Arts Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong di sini.

Persembahan Akrobatik ini dianjurkan oleh Kedutaan Republik Rakyat China dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Persatuan Persahabatan Brunei-China sempena Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China Ke-25 Tahun.

Menjunjung keberangkatan Yang Teramat Mulia ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd.

Yusoff serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian dan Presiden Persatuan Persahabatan Brunei-China, Ang Swee Chuan dan isteri.

Sejurus keberangkatan, YTM berkenan menyaksikan Pameran Foto sempena Hubungan Persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China Ke-25 Tahun.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh PYT Yang Jian, antara lain beliau merakamkan setinggi penghargaan di atas keberangkatan YTM ke acara berkenaan di samping mengongsikan serba sedikit tentang latar belakang serta sejarah Kumpulan Akrobatik yang berasal

dari Wilayah Jiangsu, Republik Rakyat China tersebut.

Acara kemudiannya diteruskan dengan 15 Persembahan Akrobatik.

Juga berangkat dan hadir menyaksikan persembahan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan isteri, Duta-Duta Besar dan Perwakilan Tetap ke Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kerajaan dan orang awam.

Persembahan tersebut merupakan usaha bagi mempromosi pertukaran kebudayaan ke arah mengukuhkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.



ANTARA Persembahan Akrobatik sempena Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China Ke-25 Tahun (atas sekali dan atas).

Pemenang Minda Pembaca!



Islam pencetus awal ilmu perubatan

SETIAP generasi memiliki ilmu perubatan dan sistem perubatan Islam dipengaruhi sedikit sebanyak dari amalan-amalan perubatan tamadun kuno. Pengaruh kuno itu diselaraskan dan dikembangkan dengan acuan prinsip-prinsip dan ajaran Islam terutama bebas dari kepercayaan punca penyakit dari roh jahat dan mendatangi para tukang tilik ahli nujum dan tukang-tukang sihir bagi mendapatkan rawatan.

Sewaktu ajaran Islam berkembang pesat di dunia, bidang perubatan Islam mengalami era kegemilangan dan menyerlah. Bahkan sains yang paling awal berkembang dan unggul sebagai ilmu yang saintifik dan rasional bermula dari zaman kehidupan Rasulullah dan kemuncak pencapaiannya pada zaman Abbasiyah hingga zaman pertengahan sebelum era khalifah Islam berakhir. Cabang perubatan Islam ialah Perubatan Nabi (Tibbun Nabawi), perubatan rohaniah dan perubatan Galenisme Arab (perubatan Yunani yang diubahsuai dan dikembangkan selari dengan idea-idea Islam).

Perubatan nabi dibentuk daripada hadis-hadis dan As-Sunnah dalam hal asal-usul penyakit, simptom, ramuan ubat seperti madu, habbatus sauda atau melalui penjagaan kesihatan dan kebersihan. Sementara perubatan rohaniah ialah kaedah bacaan ayat Al-Quran atau doa yang diajarkan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara langsung atau melalui bahan tertentu seperti air, daun tumbuhan dan sebagainya sebagai

alternatif merawat penyakit yang disahkan pihak doktor perubatan, urat saraf atau berbentuk rohani dan *spiritual*.

Antara tokoh-tokoh Islam di bidang perubatan ialah Ibnu Sina dan Al-Razi. Ibnu Sina (juga dikenali sebagai Avicenna) adalah saintis termasyhur dan dianggap sebagai tokoh yang berpengaruh di timur dan barat sehingga digelar 'Putera dalam kalangan Tokoh Perubatan'. Para penulis sejarah perubatan menyifatkan daya ilmunya sebagai satu kesinambungan kepakarannya di bidang ilmu perubatan yang menyatukan semua teori ilmiah amalan perubatan yang berasal dari abad-abad terdahulu. Antara karya beliau ialah 'Himpunan Pembendaharaan Ilmu Perubatan' (al-Qanun Fi alTibb).

Sementara Ar-Razi telah menulis 184 buah buku dan 56 daripadanya berkaitan ilmu perubatan. Buku tulisannya yang bertajuk 'Kitab al-Hawi' 24 jilid telah disalin dan diterjemahkan ke bahasa Latin pada tahun 1187 Masihi. Kitab ini menjadi buku rujukan pertama dan utama dalam pengajian kimia di Eropah hingga Abad 14 Masihi.

Ilmu perubatan Islam turut diakui Barat dan bahkan para ahli sejarah moden mengakui perkembangan ilmu perubatan Barat adalah dipengaruhi oleh perubatan Islam. Bahkan hakikatnya pada Abad 14 hingga Abad ke-17 Masihi, ilmu perubatan mereka dikaji dan dipelajari bersumberkan ilmu perubatan Islam.

Nama : Nuraliza binti Haji Jamaluddin

No K/P : 01-052282 (K)

Alamat : No. 245, Jalan 77, Kampung Perpindahan Lambak Kanan. BC2515. Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pupuk Budaya Membaca Ke Arah Kecemerlangan Negara'. Tarikh Tutup : 9 Mac 2016.
2. 'Kebaikan Melancong Di Negara Sendiri'. Tarikh Tutup : 16 Mac 2016.
3. 'Pengusaha Tempatan Perlu Bijak Terokai Pasaran Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 23 Mac 2016.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Lazimkan diri dengan istighfar

ISTIGHFAR adalah hal penting yang seringkali tidak dihiraukan oleh masyarakat Islam yang serba kemodenan pada masa ini. Setiap hari kita menyedari atau tidak perbuatan dosa dan maksiat yang dilakukan oleh pancaindera kita samaada melalui pendengaran, penglihatan, perbuatan dan langkah kaki kita. Adapun dengan beristighfar ini akan memberikan kesan yang baik kepada diri individu yang mengamalkannya sama ada untuk kebaikan di dunia mahupun di akhirat kelak.

KESAN ISTIGHFAR

- Di Dunia :
- Dihapuskan Dosa
 - Dipanjangkan Umur
 - Dimakbulkan Doa
 - Dibukakan Pintu Rezeki
 - Dianugerahkan Zuriat
 - Diberikan Kekuatan Fizikal dan Rohani
 - Dijauhkan dari Kesedihan, Kesusahan dan Bala
 - Mematikan Kekuatan Syaitan
 - Disembunyikan Keburukan
 - Digantikan Keburukan dengan Kebaikan
 - Menghapuskan Penyakit Hati
- Di Akhirat :
- Daripada Huzaifah dia berkata : *"Aku adalah seorang lelaki yang bermulut celupar kepada keluargaku. Aku bertanya kepada Rasulullah : Aku takut mulutku ini akan mengakibatkan aku masuk neraka."*
- Maka baginda pun bersabda yang bermaksud : *"Maka di manakah kamu di sisi istighfar? Sesungguhnya aku memohon keampunan kepada Allah dalam sehari 100 kali."*

WAKTU ISTIGHFAR

Tiada waktu yang khusus untuk memohon keampunan daripada Allah Subhanahu



Wata'ala. Namun ia wajib dipercepatkan setelah menyedari akan perbuatan dosa dan maksiat yang telah dilakukan pada bila-bila waktu sahaja.

Allah Subhanhu Wata'ala yang maha Pemurah akan sentiasa membuka pintu taubat untuk hamba-Nya dan hendaklah kita sentiasa beristighfar dan bertaubat kerana kita tidak mengetahui bila kita akan menemui ajal. Namun demikian terdapat juga waktu-waktu yang afdhal dan masa tertentu untuk melafazkannya seperti :

• Ketika waktu sahur sepertimana dalam Surah Adz-Dzariyat, ayat 17-18, tafsirnya : *"Mereka tidur sedikit sahaja pada waktu malam. Dan pada waktu sahur mereka beristighfar."*

- Malam dan Hari Jumaat
- Sebelum Tidur
- Dalam Waktu-waktu Sembahyang
- Dalam Rakaat Witr
- Sepanjang Bulan Ramadhan
- Di Akhir Majlis
- Ketika Gerhana
- Ketika Zikrul Maut

"Dan mohonlah keampunan kepada-Nya bagi kekhilafanmu dan (dosa) orang-orang yang beriman laki-laki dan perempuan." Surah Muhammad : 19.

Adapun tanda-tanda taubat itu diterima

semakin bertambah dengan bukti bertambahnya kemahuan berbuat kebajikan dan amal soleh.

- Timbul rasa kebencian kepada kejahatan dan dosa dengan menentang dan menjauhkan diri daripadanya.

"Dan mohonlah ampun kepada Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih". Surah an-Nisa' : 106.

Bahagian Pasport JIPK tambah perkhidmatan

Siaran Akhbar :

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) memaklumkan bahawa Bahagian Dokumen Perjalanan atau lebih dikenali sebagai Bahagian Pasport di Ibu Pejabat JIPK, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan dan Pejabat Cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan menambah waktu perkhidmatannya kepada orang ramai pada setiap hari Jumaat bermula pada 24 Jamadilawal 1437 Hijrah / 4 Mac 2016 Masihi hingga 23 Jamadilakhir 1437H / 1 April 2016M mulai jam 8.15 pagi sehingga 11.00 pagi.

JIPK memaklumkan bahawa setiap menjelang musim cuti penggal persekolahan terutamanya pada penghujung tahun, permohonan orang ramai untuk mendapatkan pasport turut juga meningkat daripada hari-hari biasa.

Sehubungan ini, JIPK menasihatkan orang ramai yang berhasrat untuk membuat perjalanan ke luar negara supaya akan dapat merancang dengan bijak dan lebih awal dalam membaharui dokumen perjalanan.

Jabatan tersebut mengingatkan orang ramai supaya memastikan setiap dokumen perjalanan mereka adalah di dalam keadaan baik dan teratur serta masih mempunyai tempoh sah laku yang dibenarkan.

JIPK juga menasihatkan orang ramai yang akan membuat perjalanan ke luar negara terutama semasa musim percutian sekolah yang melintasi pos-pos kawalan imigresen melalui jalan darat supaya akan dapat merancang perjalanan dengan bijak dan berhemah bagi mengelak perjalanan mereka terperangkap di deretan kenderaan yang panjang.

Inap Desa Lubuk Batu Mas Kg. Sibut Pikat hati pelancong asing



AKTIVITI penyediaan makanan tradisi Puak Iban.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

SIAPA sangka ... niat asal mengadakan konsep penginapan inap desa (*homestay*) hanyalah sebagai salah satu produk di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P), kini telah mendapat imbalan yang sangat di luar jangkaan. Terletak nun jauh di pedalaman di Daerah Temburong, Inap Desa Lubok Batu Mas di Kampung Sibut, Mukim Amo kini tidak menang tangan menerima kunjungan pelancong baik dari dalam mahupun luar negara, apatah lagi semenjak inap desa di Rumah Panjang Kampung Sibut itu memenangi Anugerah Homestay ASEAN pada Januari yang baru lalu.

Projek perekonomian ini bermula pada bulan Mei 2008 dengan tujuan untuk menambahkan lagi destinasi pelancongan di Daerah Temburong, meningkatkan sumber pendapatan penduduk terbabit walau pun dalam bentuk yang sedikit selain menimba pengetahuan dalam bidang perkhidmatan. Perusahaan ini merupakan salah satu perusahaan perekonomian di bawah pengawasan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sibut yang mula diperkenalkan pada bulan Mei 2008.

Menurut Ketua Kampung Sibut, Jamat anak Malong, meskipun mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai tatacara pengendalian inap desa, namun para penghuni Rumah Panjang Kampung Sibut tidak mudah berputus asa untuk meneruskan hasrat mereka memandangkan perusahaan sedemikian mendatangkan banyak manfaat. Mula dikenali sebagai Homestay Kampung Sibut namun pada tahun 2009 namanya ditukar pada 'Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut' yang diambil sempena nama lubuk yang terletak di kampung berkenaan dan dikatakan mempunyai keramat pada satu ketika dahulu.

Jamat anak Malong seterusnya menjelaskan bahawa pada awal penubuhannya, mereka telah mendapat bantuan daripada pihak kerajaan dalam bentuk peralatan bilik tidur seperti tilam dan katil, manakala pengubahsuaian

bilik-bilik adalah atas budi bicara pemilik inap desa itu sendiri.

KERJASAMA EJEN PELANCONGAN

Bagi mendedahkan inap desa mereka kepada para pelancong, MPK Sibut telah menjalin kerjasama dengan ejen-ejen pelancongan yang membawa pelancong ke Taman Negara Ulu Belalong di mana menginap di Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut juga terkandung di dalam pakej pelancongan yang ditawarkan oleh ejen-ejen berkenaan. Menurut Jamat anak Malong lagi, sambutan para pelancong adalah memberangsangkan di mana kunjungan semakin meningkatkan dari semasa ke semasa antaranya para pelancong dari Eropah, Kenya, Sepanyol, Itali, Hungary dan Afrika.

Pengendalian inap desa sememangnya mendatangkan banyak manfaat. Jelas Jamat anak Malong, perusahaan sedemikian dapat mendedahkan budaya Puak Iban kepada negara luar baik dari segi makanan, pakaian dan sebagainya. Ini memandangkan para pengunjung yang menginap di Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut boleh mengikuti beberapa aktiviti mengikuti pakej-pakej yang telah disediakan seperti menyaksikan persembahan kebudayaan Puak Iban, aktiviti penyediaan makanan tradisi Puak Iban, menyaksikan pameran kraf tangan serta aktiviti-aktiviti lain yang diperlukan.

PEMBAKAR SEMANGAT

Menyentuh mengenai penerimaan Anugerah Homestay ASEAN semasa berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-19 di Manila, Filipina pada bulan Januari 2016, Jamat menjelaskan anugerah tersebut menjadi pembakar semangat mereka di mana segala penat lelah dan usaha mereka selama ini nampak sangat dihargai. Dengan



INAP Desa Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut semasa menerima Anugerah Homestay ASEAN sempena berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-19 di Manila, Filipina pada bulan Januari 2016.

penganugerahan tersebut, MPK Sibut juga berhasrat menambah dan mempelbagaikan lagi pakej penginapan di inap desa mereka agar dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk menginap di Homestay Lubuk Batu Mas Kampung Sibut.

Dalam pada itu Ketua Kampung Sibut menyarankan agar majlis-majlis perundingan kampung yang lain baik di Daerah Temburong mahupun di daerah lain agar sama-sama terlibat dalam mengusahakan pengendalian inap desa yang mendatangkan banyak keuntungan dan manfaat. Dengan peningkatan pertumbuhan inap-inap desa di negara ini jelasnya, akan menarik lebih ramai pelancong dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Para pengusaha inap desa juga jelasnya lagi akan dapat bersaing secara sihat memandangkan setiap kampung mempunyai keistimewaan dan

kelainan masing-masing untuk diperkenalkan kepada para pengunjung yang diharap dapat memberikan impak positif terhadap negara.

Memandangkan kesemua pengendali inap desa di Homestay Lubuk Batu Mas Kampung Sibut tidak mempunyai pengetahuan tentang pengendalian perusahaan sedemikian, oleh itu Jamat sangatlah berharap agar pihak-pihak berkenaan khususnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberikan kursus-kursus yang bersesuaian agar mereka dapat menimba pengetahuan tentang tatacara menguruskan perusahaan inap desa dengan cara lebih terurus terutama dari segi pemasaran.

SELARAS WAWASAN NEGARA 2035

Dengan adanya inap desa yang

istimewa ini setentunya akan menarik lebih ramai lagi kemasukan pelancong-pelancong dari luar negara yang mana secara tidak langsung merangsang ekonomi negara. Aktiviti perekonomian sebagaimana yang dikendalikan oleh MPK Sibut ini sememangnya selaras dengan Wawasan Negara 2035 di mana kita berhasrat Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Ini memandangkan industri pelancongan sememangnya dikenal pasti sebagai salah satu penggerak yang berpotensi untuk mempercepatkan pemelbagaian ekonomi di samping dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam kalangan anak-anak tempatan. Adalah diharapkan perusahaan Homestay Lubuk Batu Mas Kampung Sibut akan terus berkembang maju yang sekali gus akan dapat meningkatkan potensi Sektor Pelancongan di negara ini.



PARA pengunjung yang menginap di Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut boleh mengikuti beberapa aktiviti seperti menyaksikan sambil menyertai persembahan kebudayaan Puak Iban.

Kaifiyat Meletakkan Tangan Ketika Duduk Tahiyyat

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

DUDUK Tahiyyat Akhir yang diakhiri dengan salam dan membaca Tahiyyat (*Tasyahhud*) adalah dua rukun sembahyang yang wajib disempurnakan. Manakala membaca *Tasyahhud* Awal dan Duduk *Tasyahhud* (*Tahiyyat*) Awal pula merupakan dua daripada sunat *ab'adh*. Jika Tahiyyat Awal tertinggal atau sengaja ditinggalkan, tidaklah membatalkan sembahyang, akan tetapi sunat melakukan Sujud *Sahwi* bagi menambal kekurangan tersebut.

Terdapat beberapa perkara yang sunat kita lakukan dalam sembahyang ketika Tahiyyat Akhir dan juga Tahiyyat Awal. Antaranya adalah mengenai tempat letak kedua belah telapak tangan dan cara meletakkan jari-jari tangan, perkara sunat mengenai keadaan jari-jari tangan kiri dan kanan terutama sekali jari telunjuk dan ibu jari kanan, dan seterusnya masa untuk menaikkan dan menurunkan jari telunjuk kanan.

Kedudukan Tangan Ketika Duduk Tahiyyat

Secara amnya, semasa duduk Tahiyyat Awal dan Akhir, disunatkan meletakkan kedua belah tangan, yakni dua telapak tangan serta perut jari-jari, di atas kedua belah kaki (peha). Tangan kanan diletakkan di atas peha kanan, manakala tangan kiri di atas peha kiri, sekira-kira hujung jari-jari tangan itu diletakkan berdekatan dengan hujung lutut atau tepi lutut. Bagaimanapun tidaklah menjejaskan seseorang daripada mendapat ganjaran amalan sunat sekiranya hujung jarinya itu menyentuh atau mencecah lutut sepertimana dalam hadits yang akan disebutkan nanti.

Hikmah daripada anjuran meletakkan dua tangan di atas dua peha ialah supaya terhindar kedua tangannya itu daripada melakukan perkara sia-sia semasa duduk Tahiyyat dan duduk selainnya. Selain itu, posisi begini adalah lebih dekat kepada tawadhu'. Demikianlah juga keadaan atau kedudukan tangan dalam sembahyang semasa duduk di antara dua sujud dan duduk selainnya.

Kedudukan Jari-Jari Kiri Ketika Duduk Tahiyyat

Jari-jari tangan sebelah kiri diletakkan di atas peha kiri dalam keadaan dihamparkan atau dibentangkan (tidak digenggam) menghala ke hadapan ke arah Kiblat, serta dirapatkan jari-jari tersebut (tidak terlalu renggang). Tujuannya adalah untuk menjaga supaya hala ibu jari atau jari selainnya tidak terkeluar atau tersasar daripada arah Kiblat. Cara atau kaifiyat meletakkan tangan ini merupakan *ittiba'*. Yang dimaksudkan dengan *ittiba'* itu ialah mengikut perbuatan dan Sunnah Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hatta jika seseorang itu sembahyang dibahagian dalam bangunan Kaabah, dia juga dianjurkan untuk merapatkan kesemua jari-jarinya sedangkan dimaklumi bahawa jari-jarinya akan tetap menghala ke arah Kiblat sekalipun dia merenggangkannya.

Bagi sesiapa yang belum elok bacaan *Tasyahhud*nya, sunat baginya semasa dia duduk Tahiyyat untuk meletakkan tangannya menurut kaifiyat yang disebutkan di atas. Demikian juga, menurut pendapat *al-muttajah*, tetap dituntut bagi orang yang sembahyang secara berbaring atau telentang jika dia boleh (terdaya) untuk menyempurnakannya.

Kedudukan Jari-Jari Kanan Ketika Duduk Tahiyyat

Menurut pendapat *al-mu'tamad*, jari-jari tangan sebelah kanan terlebih dahulu diletakkan di atas peha kanan dalam keadaan dihamparkan atau dibentangkan (tidak digenggam) menghala ke hadapan ke arah Kiblat sekira-kira hujung jari-jari kanan itu berdekatan dengan hujung lutut kanan sepertimana juga keadaan jari-jari tangan sebelah kiri seperti yang telah dijelaskan.

Setelah sempurna dibentangkan, kemudian barulah digenggam jari-jari kanan, iaitu jari paling kecil (kelingking), jari manis dan jari tengah tetapi tidak termasuk ibu jari dan jari telunjuk. Jari telunjuk adalah jari di antara kedudukan ibu jari dan jari tengah. Jari telunjuk kanan dianjurkan ke hadapan (tidak digenggam) menghala ke hadapan ke arah Kiblat (seperti isyarat menunjuk). Bagi yang memiliki dua jari telunjuk kanan yang asal adalah memadai untuk melakukan isyarat dengan salah satu daripada keduanya.

Dalil dalam perkara ini adalah *ittiba'*, sebagaimana yang disebutkan dalam hadits yang diriwayatkan daripada 'Abdullah bin az-Zubair daripada bapanya *Radhiallahu 'anhuma* :

Maksudnya : "*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda duduk berdoa (tasyahhud), Baginda meletakkan tangan kanannya di atas peha kanannya, manakala tangan kirinya di atas peha kirinya, dan Baginda membuat isyarat dengan jari telunjuk Baginda. Dan Baginda meletakkan ibu jari di atas jarinya yang tengah, manakala telapak tangan kiri menyentuh lutut kiri Baginda.*"

(Hadits riwayat Muslim)

Mengenai maksud 'menyentuh lutut kiri', sebagaimana yang tersebut di dalam hadits di atas, para ulama secara *ijma'* (sepakat) mengatakan bahawa sunat meletakkan telapak tangan di sisi (dekat) lutut ataupun di atas lutut (menyentuhnya) ataupun menutupi lutut.

Menaikkan Jari Telunjuk Kanan

Setelah sempurna menggenggam jari kecil (kelingking), jari manis dan jari tengah serta dirapatkan ibu jari kepada jari telunjuk, serta jari telunjuk dibiarkan dalam keadaan

dianjurkan ke hadapan (seperti isyarat menunjuk) menghala ke arah Kiblat, maka apabila sampai kepada bacaan syahadat, iaitu bacaan “ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ”, tatkala sampai pada huruf 'hamzah' (ء) pada perkataan “ لَا إِلَهَ ”, maka sunat menaikkan (mengangkat) jari telunjuk pada ketika itu dan dihalakan ke hadapan dengan memastikan hujung jari telunjuk itu betul-betul tidak terkeluar daripada hala atau arah Kiblat. Perbuatan menaikkan jari telunjuk tatkala sampai pada perkataan “ لَا إِلَهَ ”, juga merupakan *ittiba'*.

Diqashadkan (diniatkan) ketika jari telunjuk dinaikkan sebagai isyarat pembuktian terhadap keesaan Allah Ta'ala dan berhimpunlah pada ketika itu tauhid *qauli* (ucapan), tauhid *amali* (amalan) dan tauhid *i'tiqadi* (hati).

Hikmah menggunakan jari telunjuk kanan dan bukan jari selainnya untuk isyarat kemudian mengangkatnya adalah kerana bahawasanya jari telunjuk kanan itu berhubung dengan urat hati. Perbuatan mengangkatkannya itu sebab bagi menghidirkan hati.

Letak Ibu Jari

Ketika melakukan isyarat dengan jari telunjuk kanan, ibu jari kanan boleh diletakkan dengan berbagai cara sepertimana berikut :

1 - Cara yang afdhal meletakkan ibu jari ialah ibu jari diletakkan di atas peha dan dirapatkan ibu jari dan jari telunjuk sekira-kira hujung ibu jari itu berada di bawah jari telunjuk dalam keadaan ibu jari itu dianjurkan ke hadapan sepertimana juga jari telunjuk.

2 - Cara yang lain pula ialah ibu jari diletakkan di tepi jari telunjuk dan dianjurkan selaras dengan jari telunjuk.

3 - Ibu jari digenggam, manakala hujung ibu jari itu berada di atas jari tengah.

4 - Dibuat seperti satu lingkaran bulat dengan mempertemukan hujung ibu jari dengan hujung jari tengah

5 - Diletakkan hujung jari tengah pada bahagian antara dua ruas ibu jari.


Yang pasti kesemua cara atau kaifiyat di atas tetap menepati Sunnah Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* serta akan beroleh ganjaran Sunnah tersebut jika dilakukan, kerana kesemua cara tersebut telah sabit daripada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam*. Pada suatu waktu Baginda melakukan dengan salah satu cara, manakala pada waktu yang lain Baginda melakukan cara yang lain pula. Bagaimanapun ketekunan (*muwazhabah*) Baginda dengan cara yang pertama di atas menjadikannya sebagai cara yang afdhal antara kesemuanya.

Perkara Sunat Semasa Jari Telunjuk Dinaikkan

Pada ketika jari telunjuk dinaikkan tatkala sampai pada huruf 'hamzah' (ء) pada perkataan “ لَا إِلَهَ ”, adalah sunat menghalakan pandangan mata kepada jari telunjuk tersebut, sekalipun jari telunjuk tersebut tersembunyi umpamanya di sebalik sapu tangan, pakaian, tudung, telekung dan selainnya. Pandangan mata pula sebaiknya tidak melampaui atau melebihi jari telunjuk tersebut. Sunat memandang semata-mata kepada jari telunjuk yang dinaikkan secara berterusan sepanjang masa jari telunjuk tersebut dinaikkan. Khusus dalam perkara ini, pada ketika ini dikecualikan bagi orang yang sembahyang daripada tuntutan menghalakan pandangan matanya ke arah tempat sujud. Sekiranya jari telunjuk kanan terpotong, maka pandangan mata tidak lagi dihalakan ke arahnya akan tetapi dihalakan ke tempat sujud.

Setelah jari telunjuk kanan dinaikkan, adalah sunat membiarkannya berterusan dalam keadaan sedemikian dan tidak meletakkannya atau menurunkannya kembali sehinggalah tiba masa untuk berdiri untuk rakaat seterusnya, iaitu pada Tahiyyat Awal, atau sehinggalah selesai bacaan *Tasyahhud* dan hendak memberi salam. Demikianlah menurut Imam Ibnu Hajar *Rahimahullah* bahawa jari telunjuk tidak diletakkan atau diturunkan sehinggalah selesai daripada *Tasyahhud* Akhir, iaitu sebaik sahaja berakhir *Tasyahhud* sebelum memberi salam yang pertama.

Makruh mengangkat jari selain dari jari telunjuk kanan sebagai ganti seperti mengangkat jari-jari kanan atau jari telunjuk kiri sekalipun jari telunjuk kanan terpotong.



Sekiranya jari telunjuk kanan itu terpotong atau sakit, maka gugurlah tuntutan sunat ini (isyarat dengan jari telunjuk kanan). Ini kerana menurut Sunnah, melakukan isyarat itu adalah dengan jari telunjuk kanan. Adapun melakukan isyarat dengan jari telunjuk kiri adalah dikira meluputkan perkara sunat kerana menghamparkan atau membentangkan jari-jari tangan kiri di atas peha hukumnya adalah sunat. Selain itu, tidak disunatkan untuk menaikkan atau mengangkat jari telunjuk kanan tatkala membaca perkataan “ لَا إِلَهَ ”, di luar daripada sembahyang.

Perlu diketahui, jika menurut pendapat yang mengatakan meletakkan dua telapak tangan di atas dua peha ketika duduk dalam sembahyang merupakan perkara sunat dalam sembahyang, lalu sekiranya seseorang meletakkan telapak tangannya bukan di atas dua peha, seperti meletakkannya di atas lantai ataupun dia meletakkan telapak tangan di atas peha akan tetapi jauh daripada lutut, maka dalam keadaan ini dia tetap disunatkan melakukan isyarat dengan jari telunjuk kanan. Ini kerana kesemua suruhan ini merupakan amalan sunat yang tersendiri dan berasingan. Meletakkan telapak tangan di atas peha, merapatkan jari-jari, melakukan isyarat dengan jari telunjuk kanan, menaikkan jari telunjuk pada waktunya dan selainnya, masing-masing merupakan amalan sunat yang tersendiri.

Menurut pendapat *al-mu'tamad*, sepanjang masa jari telunjuk dinaikkan, janganlah jari telunjuk tersebut digerak-gerakkan. Hukum menggerakkannya adalah makruh kerana boleh mengganggu kekhusyukan seseorang dalam sembahyang, namun perbuatan itu tidaklah membatalkan sembahyang. Ini kerana perbuatan menggerak-gerakkan jari dalam sembahyang dikira sebagai pergerakan yang sedikit.

Terlupa Mengangkat Jari Telunjuk Ketika Tahiyyat Dalam Sembahyang

Mengangkat jari telunjuk kanan tatkala sampai pada kalimat “ لَا إِلَهَ ”, ketika mengucapkan syahadat adalah sunat dan bukanlah ia wajib atau rukun. Oleh yang demikian, seseorang yang duduk Tahiyyat Awal dalam sembahyang dan tidak mengangkat jari telunjuknya tatkala sampai pada kalimat “ لَا إِلَهَ ”, tidaklah membatalkan sembahyangnya. Umpamanya dalam sembahyang fardu Zohor, apabila dia bangkit dari Tahiyyat Awal dalam rakaat kedua tanpa mengangkat jari telunjuknya, maka hendaklah dia teruskan baki sembahyangnya sehingga selesai dan sembahyangnya itu dikira sah serta sempurna. Adapun meninggalkan mengangkat jari telunjuk disebabkan lupa tidaklah dituntut untuk melakukan sunat sujud *Sahwi*. Ini kerana sepertimana yang telah dijelaskan, mengangkat jari telunjuk kanan itu adalah daripada sunat *hai'at* dan bukanlah sunat *ab'adh*.

Sebagai kesimpulan, ke arah mencapai kesempurnaan sembahyang, selain daripada tumpuan yang teliti pada kesempurnaan pelaksanaan segala rukun sembahyang, pemerhatian terhadap perkara-perkara sunat dalam sembahyang dan pelaksanaannya juga boleh dipertingkatkan untuk menuju ke arah yang dimaksudkan. Terdapat sunat-sunat *hai'at* yang boleh ditekuni ketika duduk Tahiyyat seperti cara meletakkan dua tangan dan kedudukan jari-jari, tempat dan cara meletakkan ibu jari kanan, waktu yang disunatkan untuk menaikkan jari telunjuk kanan kemudian waktu menurunkannya, hala pandangan mata dan selainnya.

MENURUT pendapat al-mu'tamad, sepanjang masa jari telunjuk dinaikkan, janganlah jari telunjuk tersebut digerak-gerakkan. Hukum menggerakkannya adalah makruh kerana boleh mengganggu kekhusyukan seseorang dalam sembahyang, namun perbuatan itu tidaklah membatalkan sembahyang.



BND5.6 bilion dibentangkan

Jana pelbagai sumber ekonomi lebih
sustainable, progresif



Dari muka 1

Yang Berhormat berkata, berasaskan faktor-faktor di atas anggaran perbelanjaan bagi Tahun Kewangan "Untuk membenarkan pengeluaran, sejumlah Lima Ribu, Enam Ratus Juta Ringgit Brunei (BND5,600,000,000.00) dari Kumpulan Wang Yang Disatukan, bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2016 / 2017."

Dalam melangkah ke Tahun Kewangan 2016 / 2017, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pemurah, kerana rakyat dan penduduk negara ini telah terus dapat menikmati keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan hidup yang telah dikurniakan-Nya. Kerana itu, tegas Yang Berhormat, kita semua perlu beriltizam dan mengukuhkan tekad agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati masa kini akan dapat berterusan dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang.

"Setentunya, dengan keadaan ekonomi yang amat mencabar pada masa ini yang memberi impak langsung kepada hasil pendapatan kerajaan dan negara sokongan padu dari semua pihak adalah merupakan faktor penting dan paling utama, bagi sama-sama melaksanakan secara berkesan transformasi ekonomi negara ini, iaitu daripada yang bergantung kepada sumber asli semata-mata, kepada sebuah ekonomi yang lebih dinamik,

dengan hasil pendapatannya dijana daripada pelbagai sumber dan aktiviti perekonomian," tegas Yang Berhormat.

Bagi negara-negara yang hasil pendapatannya bergantung kepada pengeluaran dari Sektor Minyak dan Gas jelas Yang Berhormat, kejatuhan harga minyak global yang merudum sehingga lebih 70% benar-benar telah memberikan hambatan dan impak langsung yang signifikan ke semua negara-negara terbabit dan berhadapan dengan cabaran untuk menangani masalah defisit yang semakin meruncing. Malah sebahagian negara juga telah mula membuat pinjaman bagi menampung keperluan operasi kerajaan.

Bagi menangani masalah defisit yang dihadapi, sebagaimana jua kita telah ikuti daripada laporan media semasa, beberapa buah negara pengeluar utama minyak dunia telah mengambil langkah-langkah segera dan drastik termasuk mengurangkan peruntukan bagi menjimatkan perbelanjaan dan mengurangkan kadar subsidi-subsidi yang dihulurkan, khususnya bagi produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan tenaga, seperti harga minyak kenderaan dan tarif bagi tenaga elektrik dan telah mengambil tindakan tambahan seperti memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax - GST); menjual aset-aset antarabangsa; dan mengurangkan perbelanjaan yang telah pun diperuntukkan. Bagi negara-negara tersebut, langkah-langkah konkrit sedemikian adalah satu keperluan bagi memastikan pengurusan Perbendaharaan Kerajaan akan terus berada dalam keadaan terkawal.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, jelasnya lagi, dengan kadar pengeluaran minyak negara yang rendah pada tahun 2015, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah mengemaskinikan unjuran pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2015 kepada negatif 1.1%. Bagi tahun 2016, ekonomi negara diunjur akan berkembang pada kadar 2.3%, insyaaAllah.

Sektor Minyak dan Gas dijangka mencatatkan pertumbuhan pada kadar 3.0%, manakala Sektor

Dukung perkembangan PMKS

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Beberapa inisiatif telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam usaha untuk mendukung perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan koperasi yang turut didukung melalui inisiatif Ease of Doing Business.

Antaranya ialah penubuhan sebuah Badan Khas PKS yang dikenali sebagai DARE (Darussalam Enterprise) yang berperanan untuk menggalakkan perkembangan dan memperkasa PKS; merangka beberapa program khusus untuk meningkatkan kecekapan urus tadbir dan aktiviti perniagaan koperasi; dan melaksanakan Projek 'KEMAS' bagi memastikan koperasi-koperasi mematuhi peraturan-peraturan dalam Akta Koperasi dan diterajui oleh ahli lembaga yang sebahagian besarnya terdiri daripada pihak Sektor Swasta dan wakil-wakil industri.

Demikian dijelaskan oleh

Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016 / 2017 pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Selain itu, usaha-usaha juga diambil melalui Dana Pembangunan Strategik (Strategic Development Capital - SDC) di Kementerian Kewangan untuk mempermudah akses PMKS yang berpotensi kepada sumber kewangan dan berterusan mengenal pasti PMKS yang berpotensi untuk dikembangkan melalui model *private equity* atau venture capital.

Bagi terus mendukung pelaksanaan program-program Pembangunan Kemajuan PMKS pula Yang Berhormat menjelaskan sebanyak BND1.6 juta dengan Harga Rancangan BND74 juta akan disediakan di bawah Dana Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana selain kemudahan-kemudahan seperti Program Pembiayaan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana dengan peruntukan sebanyak BND8.3 juta dengan Harga Rancangan BND60 juta juga akan terus disediakan.

Manakala sebagai langkah bagi memudah cara lagi urusan perniagaan dan pelaburan di negara ini, Yang Berhormat menyatakan sebuah pusat Business Support

Centre akan ditubuhkan dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan April 2016 ini dengan peranan sebagai pusat utama dalam mendukung keperluan perniagaan dan pelaburan dari dalam dan luar negara.

Menyentuh mengenai strategi untuk memperkasa keusahawanan tempatan pula Yang Berhormat menjelaskan, program dan skim bagi menjana peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan dan menggalakkan pertumbuhan keusahawanan serta membangunkan sumber tenaga manusia akan dikemaskinikan dan diperkukuhkan.

Antara inisiatif yang dilaksanakan kata Yang Berhormat lagi, termasuklah melalui Program Pembangunan Keusahawanan Belia bagi membantu para belia tempatan yang terpilih untuk memulakan perniagaan masing-masing.

Sementara itu, dalam usaha memajukan perniagaan PMKS melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan idea-idea kreatif, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) menjelaskan, Bangunan Design and Technology Centre di Anggerak Desa telah siap diubah suai.

Kawasan Anggerak Desa ini menurut Yang Berhormat, menempatkan kemudahan-kemudahan multimedia dan inovasi seperti iCentre, Knowledge Hub dan juga CRAFT dengan hasrat untuk dapat menyediakan ekosistem yang lebih kondusif untuk menggalakkan inovasi dan juga peningkatan keusahawanan PMKS yang bergiat aktif dalam bidang berkaitan.

Bukan Minyak dan Gas dijangka berkembang sebanyak 1.3%. Walau bagaimanapun, sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih lagi di tahap yang minima. Oleh itu, bagi mengimbangi sumbangan Sektor Minyak dan Gas, usaha bersepadu adalah perlu untuk dipertingkatkan bagi mempelbagaikan aktiviti dan sumber perekonomian agar pertumbuhan negara akan lebih *sustainable* dan progresif.

Bagi mencapai hasrat tersebut, Yang Berhormat menegaskan agar semua pihak sama-sama meningkat-

kan usaha, lebih berinisiatif, serta keluar daripada zon selesa (*comfort zone*) masing-masing untuk meningkatkan produktiviti negara, sama ada di Sektor Awam mahupun Sektor Swasta dengan matlamat ke arah pembangunan negara yang lebih mantap, *sustainable* dan inklusif. Kerajaan akan terus melaksanakan dasar mempelbagaian sumber ekonomi negara bagi mengurangkan penggantungan kepada Sektor Minyak dan Gas sebagai sumber utama pendapatan negara.

Yang Berhormat menegaskan lagi, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan ini adalah lebih

tinggi berbanding Anggaran Hasil Kerajaan. Ini bermakna kedudukan fiskal kerajaan dijangka akan terus mengalami defisit belanjawan. Kerana itu setiap Kementerian dan agensi kerajaan adalah diperingatkan untuk memberikan kerjasama penuh dan mensejajarkan usaha pada mengawal perbelanjaan kerajaan berasaskan keutamaan atau *priority spending*. Langkah ini juga bertujuan untuk membantu pihak kerajaan mengawal keperluan pengeluaran dari dana-dana rizab yang diwujudkan agar ia berdaya tahan dalam mendukung pembangunan negara ini.

Urus peruntukan dengan bijak, berhemat



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Beberapa peruntukan akan terus disediakan untuk meningkatkan pencapaian para pelajar dalam pelbagai bidang dan bagi membina kemahiran serta keupayaan yang diperlukan untuk memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja tempatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan demikian pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Antara lain peruntukan tersebut

ialah termasuk Peruntukan Biasiswa sebanyak BND35.2 juta dan sejumlah BND31.7 juta untuk Elaun Penuntut. Bagi Mendatangkan Tenaga Pakar dan Pengajar Mahir Untuk Literasi dan Numerasi, sejumlah BND15 juta disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan. Sebanyak BND54.3 juta telah disediakan bagi peruntukan Perkhidmatan Pendidikan sementara bagi Pembelian Peralatan-Peralatan Pendidikan sekolah dan institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan disediakan sejumlah BND9.3 juta.

Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, ujar Yang Berhormat, sejumlah BND3.5 juta bagi Biasiswa dan BND1.0 juta bagi Pembelian Peralatan. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN), peruntukan sejumlah BND47.0 juta dengan Harga Rancangan BND572.6 juta disediakan bagi Sektor Pendidikan.

Sebagai tambahan kepada Skim Biasiswa yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, jelas Yang Berhormat, Skim Kemudahan Pinjaman Pendidikan akan diteruskan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Menurutnya, sehingga Disember 2015, seramai 376 pelajar telah diluluskan untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama dalam pelbagai bidang, termasuk jurusan agama dan Arab, selaras dengan keperluan negara.

Di samping itu, peruntukan bagi Dana Sumber Manusia juga disediakan sebanyak BND25 juta. Manakala sejumlah BND45.6 juta diperuntukkan bagi Institut Teknologi Brunei meneruskan usaha mempelbagaikan dan menambahkan lagi peluang belia-belie tempatan termasuk lepasan sekolah, untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran teknikal dan vokasional dalam bidang-bidang tertentu.

Bagi membina kapasiti para belia secara holistik, usaha juga ditumpukan kepada penerapan program-program jati diri dan latihan kemahiran bagi belia-belie sesuai dengan keperluan masa kini. Ke arah itu, ujar Yang Berhormat, peruntukan sebanyak BND1.5 juta terus disediakan bagi pengendalian Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).



Laporan : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan tersebut, tambah Yang Berhormat, adalah diharapkan peluang-peluang yang disediakan akan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemahiran di semua

peringkat bagi mendukung pembangunan sosioekonomi negara.

Menurut Yang Berhormat lagi, amatlah juga perlu peruntukan-peruntukan yang disediakan diurus dengan bijak dan berhemat, agar matlamat dan wawasan untuk

melahirkan warga Brunei yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta dapat menyumbang secara positif kepada produktiviti dan ekonomi negara, akan dapat dicapai secara inklusif dan *cost effective*. Di samping itu juga, melalui peluang-peluang pendidikan dan latihan-latihan yang disediakan, insyaaAllah, ia akan dapat membantu menangani isu-isu sosial seperti pengangguran dan kemiskinan.

Unjuran hasil kerajaan dianggarkan lebih BND1.7 bilion

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Dengan prospek ekonomi global dan negara terutama pasaran minyak global yang tidak menentu pada masa ini, Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 adalah diunjurkan berjumlah lebih BND1.7 bilion (BND1,764,930,000.00) (Satu Ribu Tujuh Ratus Enam Puluh Empat Juta, Sembilan Ratus Tiga Puluh Ribu Ringgit Brunei).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan, unjuran ini adalah berasaskan andaian yang lebih konservatif bagi membolehkan kerajaan mengurus kewangannya dengan berhemat dan berhati-hati dengan mengambil kira hasil Sektor Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak BND854 juta sahaja. Manakala hasil Sektor Bukan Minyak dan Gas dianggarkan stabil sebanyak kira-kira BND910 juta, iaitu 51.6% daripada anggaran kutipan keseluruhan.

Bagi memastikan keadaan fiskal masa kini dan akan datang dapat ditangani secara berkesan, Yang

Berhormat menjelaskan beberapa langkah reformasi telah dan akan diambil bagi memastikan keadaan fiskal masa kini dan akan datang dapat ditangani secara berkesan.

Beberapa langkah sedang diambil yang antara lainnya termasuklah mengukuhkan pengawalan dan meningkatkan penjimatan perbelanjaan kerajaan, dengan tumpuan kepada memperkembangkan perkhidmatan kerajaan berdasarkan *core functions* sahaja. Ini memerlukan *restructuring*, *streamlining* dan *consolidation* fungsi dan organisasi agensi-agensi kerajaan; melipatgandakan usaha membangun dan memperkembangkan ekonomi negara, dengan memberikan keutamaan antaranya kepada menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Ini termasuklah melalui beberapa Projek Usahasama (Joint-Venture) di antara pelabur asing dengan Dana Pembangunan Strategik (SDC) di bawah Kementerian Kewangan; mengukuhkan dan mengembangkan aktiviti perekonomian Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs); meneroka program Public-Private

Partnership (PPP) dan memantapkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana; memberikan tumpuan kepada peningkatan produktiviti negara yang melibatkan sektor awam sebagai pemangkin kepada perkembangan sektor swasta bukan minyak dan gas termasuk meneliti kemungkinan memperbadankan dan pengkomersialan beberapa agensi atau aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan pada masa ini dan mempertingkatkan hasil pendapatan kerajaan dari Sektor Bukan Minyak dan Gas, termasuk dalam mengukuhkan pengurusan kutipan hasil kerajaan yang tertunggak.

Semua inisiatif tersebut tambah Yang Berhormat, amat memerlukan kerjasama penuh dan sokongan padu semua pihak untuk ia berjalan lancar dan berjaya.

Dari aspek pengurusan kewangan, tegas Yang Berhormat, kementerian dan agensi kerajaan juga dikehendaki membuat perancangan rapi dalam melaksanakan perbelanjaan mengikut keutamaan (*priority spending*), dan memastikan 'outcome' atau sasaran Key Performance Indicators (KPIs) yang telah dipersetujui dapat dicapai, dengan memberikan keutamaan kepada Fokus Belanjawan yang telah ditetapkan.

Meningkatkan produktiviti, kecekapan Perkhidmatan Awam

Laporan : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus melaksanakan dan mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kecekapan penyampaian Perkhidmatan Awam di negara ini.

Inisiatif tersebut adalah khusus dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan Perkhidmatan Awam dan sektor swasta di mana keupayaan Perkhidmatan Awam dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berintegriti adalah salah satu faktor penting dalam menyumbang dan memangkin

pembangunan sektor swasta secara berterusan.

Pada masa yang sama, peningkatan produktiviti sektor swasta adalah perlu bagi memacu peningkatan hasil dan sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara tersebut semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016 / 2017 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2016 pada hari ketiga pada

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Semasa menekankan mengenai empat fokus utama tumpuan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017, Yang Berhormat menyatakan bahawa fokus kedua ialah meningkatkan produktiviti negara dalam kegiatan perekonomian dan Perkhidmatan Awam sebagai jentera kerajaan bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan *cost effective*, dalam menjana ekonomi yang lebih pesat, berdaya saing dan berdaya tahan.

Menurut Yang Berhormat lagi, antara usaha penambahbaikan berterusan tersebut termasuklah dengan meningkatkan penggunaan aplikasi ICT melalui projek-projek e-Kerajaan, yang bukan sahaja membantu meningkatkan tahap

perkhidmatan, tetapi juga kecekapan dan *cost-effectiveness* perkhidmatan yang diberikan.

"Contohnya, setakat ini kerajaan telah melaksanakan e-Darussalam, e-Payment Gateway, e-Registry, Brunei Darussalam National Single Window, Labour Control System, Public Service Commission (PCS) Recruitment Job Centre Brunei, Bru-HIMS, Registry of Companies and Business Names, STARS, TAFIS, Onebiz dan banyak lagi. Peningkatan tahap perkhidmatan ini akan terus diperkembangkan lagi melalui integrasi beberapa sistem yang mempunyai peranan dan fungsi yang sama," ujar Yang Berhormat.

Melalui langkah pengukuhan integrasi sistem-sistem yang sedia ada, Yang Berhormat berkata bahawa ia bukan sahaja akan dapat memudahkan cara perkhidmatan kepada orang ramai dan komuniti perniagaan

domestik dan luar negara tetapi juga akan mengelakkan sebarang duplikasi dan pembaziran sumber dan tenaga yang ada.

Bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 ini tambah Yang Berhormat, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan bersesuaian bagi menyediakan dan meningkatkan kapasiti e-Services bagi mendukung kecekapan pengurusan-pengurusan Perkhidmatan Awam.

Peruntukan-peruntukan tersebut jelas Yang Berhormat termasuk penyediaan sebanyak BND75.1 juta bagi kegunaan Teknologi Maklumat Kementerian-Kementerian secara keseluruhan dan sejumlah BND17.7 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dengan Harga Rancangan BND326.7 juta untuk keperluan Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi.

Penyediaan peruntukan meningkatkan kesejahteraan awam

Laporan : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mac. - Kerajaan di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seorang raja pemedulian, yang sangat prihatin dengan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya, akan terus memberikan tumpuan kepada memastikan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat di negara ini sentiasa terpelihara sebagai asas pembangunan masyarakat yang inklusif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menekankan perkara itu semasa pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016 / 2017 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, mengenai keutamaan belanjawan yang keempat iaitu meningkatkan kesejahteraan awam.

Jelas Yang Berhormat, ia termasuk menyediakan kemudahan dan keperluan asas, seperti

pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Di samping itu, keperluan-keperluan asas lain seperti bekalan elektrik, air, perumahan dan lain-lain juga akan terus disediakan. Hasil daripada perancangan dan langkah-langkah berterusan kerajaan dalam menitikberatkan hal ehwal dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, Laporan Human Development Report 2015 keluaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) telah menempatkan negara ini di tangga ke-31 dalam Kategori 'Very High Human Development', ujar Yang Berhormat.

Dengan jumlah penduduk negara ini yang semakin bertambah dari semasa ke semasa, ujar Yang Berhormat, kos pemberian kemudahan dan keperluan asas tersebut sudah setentunya juga akan meningkat setiap tahun.

Kadaan ini tegasnya sedikit sebanyak merupakan satu cabaran ke atas pengurusan dan kemampuan kewangan kerajaan dalam keadaan ekonomi yang paling mencabar pada masa ini. Keupayaan kerajaan untuk terus menghulurkan kemudahan dan keperluan-keperluan asas, seperti sekarang, mungkin tidak akan *sustainable* bagi tempoh jangka masa sederhana dan panjang, jika langkah-langkah reformasi bersesuaian tidak diambil.

Setentunya kata Yang Berhormat, kegagalan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu pada waktu ini, dikhawatiri akan jua turut menjejaskan kebajikan dan kesejahteraan generasi-generasi yang akan datang.

Yang Berhormat menjelaskan lagi, adalah penting usaha-usaha diambil disemua peringkat untuk menilai semula keperluan dan keberkesanan bantuan-bantuan atau subsidi-subsidi yang dihulurkan agar pemberiannya akan lebih ditumpukan kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan dengan kadar bantuan yang bersesuaian.

Tambah Yang Berhormat lagi, penelitian dan penilaian semula bagi kemungkinan *merationalise* bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi ini amatlah penting bagi memantapkan lagi pengurusan

kewangan kerajaan agar ia akan lebih berdaya tahan dan tidak membebankan bagi jangka masa sederhana dan panjang di samping dapat mendidik penerima-penerima untuk berjimat cermat serta berusaha untuk berdikari.

Bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017, selaras dengan keutamaan memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, peruntukan-peruntukan tertentu akan terus disediakan. Bagi perkhidmatan kesihatan, yang akan disediakan termasuklah bagi Pembelian Ubat-Ubatan sebanyak BND47.6 juta, sejumlah BND26.5 juta bagi Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan, BND8.3 juta disediakan bagi membiayai penghantaran dan rawatan pesakit ke luar negara.

Jelas Yang Berhormat lagi, sebanyak BND30 juta terus disediakan bagi Perkhidmatan Rawatan Sakit Jantung di JPMC, Pusat Kanser Brunei dan Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre sementara di bawah RKN pula, sejumlah BND21.0 juta dengan Harga Rancangan BND210.5 juta untuk keperluan Sektor Perubatan dan Kesihatan.

Bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna dan orang awam, tambah Yang Berhormat, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan dengan penekanan kepada membiayai kerja-kerja pemeliharaan dan membaiki pulih aset-aset kerajaan. Antara peruntukan-peruntukan yang disediakan termasuklah sejumlah BND56.2 juta bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Aset serta Pemeliharaan Kemudahan Awam dan Infrastruktur di Jabatan Kerja Raya, bagi melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan membaiki pulih bangunan, kawasan dan perumahan termasuk rumah-rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) disediakan sebanyak BND3.4 juta, manakala sejumlah BND5 juta bagi Kerja-kerja Pembaikan / Menaik Taraf Sistem Bekalan Air dan BND4 juta bagi Kerja-kerja Pencegahan Banjir, termasuk Kerja-kerja Pembaikan / Menaik Taraf

Pembetulan dan Saliran sementara bagi membiayai perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan kebersihan sebanyak BND2.7 juta.

Dalam usaha menyediakan perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, ujar Yang Berhormat, merangka strategi jangka panjang di bawah Skim RPN agar tempoh menunggu bagi pemilikan rumah kurang daripada 10 tahun. Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, pelaksanaannya akan lebih ditumpukan kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Sehingga hari ini, antara projek-projek yang telah dilaksanakan ialah projek fasa pertama pembinaan blok-blok rumah pangsa di kawasan RPN Lambak Kanan / Salambigar yang akan menyediakan 300 unit rumah pangsa enam tingkat yang dilengkapi dengan kemudahan awam. Secara keseluruhan peruntukan perumahan negara akan disediakan sebanyak BND53.3 juta dengan Harga Rancangan BND756 juta, bagi membiayai beberapa projek di bawah Skim Perpindahan dan Perumahan Negara; dan STKRJ di kesemua daerah.

Yang Berhormat seterusnya berkata, di bawah skim bantuan memiliki rumah bagi ahli-ahli TAP yang terdiri daripada rakyat negara ini, seramai 147 orang telah dihulurkan bantuan sejak ia diperkenalkan pada bulan Ogos 2012. Bagi mendukung inisiatif ini, peruntukan sejumlah BND1.8 juta akan terus disediakan.

Bagi meningkatkan keselamatan awam, Yang Berhormat menjelaskan, peruntukan-peruntukan tertentu akan terus disediakan yang antara lainnya termasuklah bagi menangani bencana alam dan wabak penyakit berjangkit, sejumlah BND4.5 juta secara keseluruhannya disediakan di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sejumlah BND3.6 juta dengan Harga Rancangan BND11.9 juta disediakan untuk meningkatkan pematuhan kepada Piawaian International Civil Aviation



Organisation (ICAO) dan di bawah Fokus Perbelanjaan, Harga Rancangan sebanyak BND15 juta disediakan bagi Keselamatan Awam untuk membiayai Projek Penyelarasan Sistem Pengesan (Sistem Pengawasan Video Induk) dan Projek Pangkalan Data DNA Kebangsaan tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, peruntukan juga disediakan bagi menaik taraf sistem bekalan tenaga elektrik negara. Antara peruntukan yang disediakan termasuklah BND5 juta dengan Harga Rancangan BND131.5 juta bagi 'Maintenance of Gas Turbine Generator', dan BND86.7 juta dengan Harga Rancangan BND765.3 juta lagi disediakan secara keseluruhannya di bawah Sektor Elektrik di bawah RKN.

Kerajaan juga, jelas Yang Berhormat, akan terus mengambil langkah bagi menangani isu-isu kemiskinan. Antara peruntukan-peruntukan disediakan termasuklah sejumlah BND2.0 juta bagi Program Bantuan di Kementerian Pendidikan; BND10 juta bagi membiayai sewa kemudahan kenderaan bagi penuntut-penuntut yang memerlukan; dan mengenalkan Program Latihan Kemahiran bagi Memperkasa Penerima Bantuan Dalam Usaha Menangani Isu Kemiskinan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Belanjawan yang baru dibentangkan ini menurut Yang Berhormat merupakan belanjawan yang dirangka dengan harapan tinggi bagi semua pihak di negara ini, sama ada dari sektor awam, sektor swasta dan juga orang ramai untuk memainkan peranan masing-masing bagi sama-sama menangani cabaran keadaan ekonomi masa kini.

Rebut peluang perusahaan, kurangkan kebergantungan pada minyak, gas



YANG Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Sudah sampai masanya, anak-anak tempatan merebut peluang sama ada dalam bidang perniagaan atau perusahaan yang terdapat di dalam atau luar negara.

Ia selaras dengan dorongan Al-Quran yang menyeru umat Islam untuk mencari dan mendapatkan rezeki kurniaan Allah yang terdapat di muka bumi ini.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal ketika membentangkan ucapan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari kedua yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sewaktu Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada 5 Mac yang lalu, antara lain menekankan tentang perlunya rakyat dan penduduk negara ini menceburkan diri serta menggandakan usaha dalam bidang perniagaan dan perdagangan serta perusahaan bagi mengurangkan kebergantungan pada minyak dan gas.

Rangsangan baginda itu, jelas Yang Berhormat, adalah selari dengan ajaran dari Al-Quran yang mengandungi dorongan ke arah kegiatan perdagangan dan urusan niaga.

"Dalam Islam, tiada garis pemisah

antara spiritual dan material kerana apa sahaja yang dilakukan sebagai patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala merupakan amal yang menjadi ibadat," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, semua kegiatan termasuk mendidik anak dan bekerja di ladang dikira sebagai ibadat jika kita mengikuti jalan yang ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurut Yang Berhormat, keluar mencari rezeki kurniaan Allah memang menjadi tanggungjawab manusia seperti yang termaktub dalam Al-Quran Surah Al-Hajj, ayat 165 dengan tafsirnya : "Tidaklah engkau memerhatikan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan demikian juga kapal-kapal yang kamu gunakan sebagai kenderaan dan pengangkutan, berlayar di laut dengan perintah-Nya. Dan dia menahan langit daripada runtuh

menimpa bumi kecuali dengan izin-Nya. Sesungguhnya adalah maha belas kasihan lagi maha pengasih."

Di samping itu, Yang Berhormat juga mengongsikan tentang sejarah orang Islam yang sangat bijak dalam perdagangan, urusan niaga serta industri dan menguasai lautan di Timur dan Barat termasuk Laut Mediterranean pada waktu Abad Ke-8 hingga Ke-14 Masihi.

Dalam titah baginda juga, jelas Yang Berhormat, telah menggalakkan para pengusaha untuk mengembangkan perusahaan bukan sahaja di dalam negeri bahkan di luar negeri.

"Pada hemat kaola, kerajaan dalam mempertimbangan pemberian-pemberian peruntukan kewangan bagi membiayai sebarang rancangan patutlah bukan hanya berdasarkan keutamaan dan kepentingan, tetapi juga hendaklah berdasarkan kesesuaian," tambah Yang Berhormat.

Usaha padu perlu dalam merangsang pertumbuhan

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dalam cadangan Usul Menjunjung Kasih menggesa ahli-ahli majlis untuk sama-sama mengamati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang antaranya menyentuh langkah kerajaan memperkasa pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat terutama dalam mengharungi cabaran ekonomi global yang dihadapi pada masa ini.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut semasa Mencadangkan Usul Menjunjung Kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda Ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada 5 Mac lalu yang berlangsung di Dewan Persidangan Majlis MMN, di sini.

Yang Berhormat semasa Usul Menjunjung Kasih bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 MMN di hari kedua, petang tadi, juga menyifatkan titah-titah baginda itu jelas mencerminkan keprihatinan, pemedulian dan kebijaksanaan baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan negara.

"Baginda telah mengulangi betapa pentingnya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan idea-idea yang bernas serta strategik yang membawa impak kepada ekonomi negara dan juga bagi melipatgandakan usaha masing-masing dalam menangani permasalahan rakyat dan negara ini. Baginda sekali lagi menekankan dan ini telah pun baginda titahkan beberapa kali mengenai pentingnya pencapaian atau penghasilan sesuatu rancangan," terang Yang Berhormat.

Dalam Usul-usul Menjunjung Kasih berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menekankan dua aspek penting dalam membentuk perubahan minda, iaitu budaya prestasi dan pencapaian di peringkat sektor awam dan swasta khususnya kepada generasi muda.

Tambah Yang Berhormat, usaha meningkatkan kerjasama adalah perlu di antara sektor awam dan swasta dalam menanam usaha padu untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi.

Kemaskan aktiviti perekonomian



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Salah satu usaha bagi memudahkan cara aktiviti perekonomian di negara ini ialah dengan menubuhkan satu kementerian baharu bagi memajukan perindustrian yang boleh mendatangkan pendapatan kepada negara dan antara industri-industri yang seharusnya diberi perhatian ialah Industri Pelancongan SME atau perusahaan kecil dan sederhana serta Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment) Cadangan tersebut dibentangkan

oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin di Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 MMN di hari kedua yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menyentuh tentang petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana baginda bertitah menyarankan supaya usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian negara terus dipertingkat dan diperkembangkan.

Yang Berhormat menjelaskan, tujuan penubuhan kementerian ini adalah untuk menjadikannya ia lebih fokus dalam menguruskan menjana dan seterusnya meningkatkan sumber pendapatan hasil pendapatan kerajaan serta sosio ekonomi negara.

Melalui usaha tersebut, tambah Yang Berhormat, perekonomian negara akan menjadi lebih teratur dan terancang ke arah penghasilan Pendapatan negara serta seterusnya meningkatkan produktiviti dan membolehkan pemasaran ke peringkat serantau juga antarabangsa.

"Ini adalah bagi menyahut titah baginda yang menyarankan untuk mengubah strategi perusahaan daripada hanya mencapai

Tanam jiwa anak-anak cintakan kebersihan

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Dalam keadaan dunia masa ini yang dilanda krisis kewangan, dunia juga dilanda dengan pelbagai jenis penyakit sama ada yang lama atau yang baharu.

"Sudah sampai masanya kita menanamkan dalam jiwa anak-anak kebersihan, diterapkan bermula dari rumah. Kita sebagai ibu bapa, para guru juga masyarakat perlu mengambil peranan penting dalam menyemai perasaan anti-sampah dan kekotoran kepada anak-anak di mana saja berada. Tidak mengira ketika berada di sekolah, di rumah, pejabat, kampung, serta bandar perlu bersih tanpa sampah," jelas Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal pada Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 MMN pada hari kedua di Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, dalam kehidupan kita sehari-hari sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kita bersyukur dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan termasuk sekolah, klinik, tempat-tempat riadah dan juga subsidi terhadap minyak, gula, beras dan petrol malahan perubatan hanya dikenakan bayaran BND1 bagi setiap seorang.

Menurut Yang Berhormat, kita tidak perlu bertanya apa kerajaan sudah buat untuk kita, tetapi kita sebagai rakyat sepatutnya tidak lupa bertanya kepada diri kita sendiri apakah yang sudah kita buat untuk kerajaan dan negara.

Yang Berhormat menjelaskan, ada banyak cara untuk menyumbang jasa bakti kepada kerajaan dan negara yang mana salah satu caranya adalah dengan menjaga kesihatan melalui kebersihan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, kita perlu menanamkan perasaan tidak camah mata bila melihat sampah dan kekotoran.

"Kita sudah terbiasa walaupun di depan rumah sendiri, rumput panjang, longkang yang berbau, air bertakung dan sebagainya. Kita masih juga tetap menunggu pihak bandar untuk membersihkannya daripada keadaan kekotoran ini," Yang Berhormat menjelaskan.

Yang Berhormat menambah, selain dari memberikan persekitaran yang kurang menyenangkan yang menimbulkan bau busuk, kemungkinan besar juga menimbulkan pelbagai masalah penyakit bawaan binatang seperti alat yang boleh menyebabkan cirit-birit, tikus yang membawa penyakit kencing tikus, nyamuk yang membawa penyakit denggi dan baru-baru ini yang timbul lagi satu penyakit memulakan virus yang digelar zika di luar negara yang pada masa ini belum ditemui ubatnya.

Menurut Yang Berhormat, penyakit-penyakit ini, selain dari mengancam nyawa manusia dan kehidupan, ia juga akan menjadi satu bebanan yang berat kepada kerajaan kerana memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk membasmi dan menghapuskan penyakit ini padahal untuk mengelakkan perkara ini berlaku sebenarnya adalah mudah, iaitu kita mestilah sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang



kebersihan sekeliling kita.

Dari itu, sebahagian dari landasan kita sebagai rakyat untuk menyumbang bakti kepada kerajaan dan negara ialah keikhlasan mempunyai semangat yang tinggi kepada keamanan, kesejahteraan dan keselamatan mempunyai tahap kesihatan yang tinggi yang setentunya bermula dengan amalan menjaga kebersihan rumah dan alam sekeliling kita.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Jelas Yang Berhormat, bagi melatih dan mengasah kemahiran anak tempatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, pendedahan pada bidang perniagaan seharusnya diwujudkan bagi pengusaha-pengusaha atau anak tempatan yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang tersebut.

Menurut Yang Berhormat, dengan membekalkan pengetahuan atau *know how* bagi pengusaha-pengusaha adalah dihasratkan agar dapat menarik lebih ramai anak tempatan untuk menceburi diri dalam bidang aktiviti perniagaan dan keusahawanan.

"Antara aktiviti yang dapat dijalankan adalah dengan memberikan kursus motivasi Financial Budgeting, kursus perancangan kewangan bagi pengusaha baharu dan *business planning*," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyatakan, pada tahun 2014 dalam pembentangan kertas kerja dan kertas Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014 / 2015 MMN, sejumlah \$800,000 telah pun

disediakan bagi mendukung program-program yang menjurus kepada melahirkan belia berbakat.

Ini termasuklah bagi menggalakkan dan membantu belia untuk menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan seperti dalam bidang mekanik, kereta dan langkah-langkah lain ini adalah satu permulaan yang baik dan boleh dijadikan sebagai faktor untuk memperkembangkan perekonomian ini.

"Bagi mendukung usaha kerajaan dalam meraih bidang pekerjaan, anak tempatan hendaklah berani menyahut cabaran dan merebut peluang dalam bidang keusahawanan. Sehubungan dengan itu, dalam menjana ekonomi pada masa kini yang berdaya saing dalam negara mahupun di luar negara anak tempatan hendaklah melibatkan diri dalam *niche market*. *Niche market* yang memfokuskan kepada *market* yang dikenal pasti mempunyai keunikan dan pemasaran boleh mengaut keuntungan. Contohnya perniagaan yang belum diterokai yang boleh berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa adalah madu kelulut," ujar Yang Berhormat.

Langkah konkrit kerajaan bantu perbaiki perniagaan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Setiap rancangan perlu diukur menurut KPI atau Key Performance Indicators kerana itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaranakan perlunya apa juga perancangan atau inisiatif mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

hasil yang dihasratkan.

Perkara di atas ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dalam cadangan Usul Menjunjung Kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 pada 5 Mac lalu yang berlangsung di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di sini.

Yang Berhormat dalam Usul Menjunjung Kasih semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 MMN di hari kedua juga menjelaskan, di mana sejak tahun 2015, kita telah menyaksikan kedudukan ekonomi dunia merudum dan Negara Brunei Darussalam juga menerima kesan dari keadaan ini.

Tambah Yang Berhormat lagi, ekonomi Negara Brunei Darussalam pada Tahun Kewangan 2016 / 2017, dijangka berada dalam keadaan yang lebih mencabar jika dibandingkan dengan Tahun Kewangan 2015 / 2016.

Faktor penyebab utama keadaan ekonomi yang mencabar terang, Yang Berhormat adalah kesan kejatuhan harga minyak mentah dan kerana itu sekali lagi dalam titah Kebawah DYMM, baginda dengan tegas menyatakan bahawa cabaran sangat berpotensi untuk membawa kepada perubahan, kerana itu janganlah takut pada cabaran, cuma cabaran itu mestilah dihadapi dengan kebijaksanaan. Kebijaksanaanlah yang menentukan corak perubahan kepada yang lebih baik.

"Ke arah inilah, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaruh harapan yang besar agar Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, mengemukakan saranan-saranan atau buah fikiran mengenai cara-cara mengurangkan pergantungan pada sumber minyak dan gas. Bagaimana negara dapat menjana pendapatan

dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dalam langkah menangani kemungkinan bahawa harga minyak ini kekal rendah untuk beberapa jangka waktu lagi dan bagi menghadapi keadaan dunia yang tidak menentu, kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan dan ini termasuk infrastruktur, perundangan yang pro bisnes serta penubuhan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Darussalam Enterprise yang bertujuan membantu membangun dan meningkatkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana atau SME serta inisiatif-inisiatif lain.

Jelas Yang Berhormat lagi, dalam usaha membantu membangun dan memperkembangkan ekonomi negara ke arah mewujudkan suasana perniagaan yang pro bisnes dan *business friendly* ini, agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab akan sentiasa meneliti, mengemas kini dan membuat reformasi yang tertentu mengenai tatacara melaksanakan tugas bagi memudahkan para peniaga tempatan dan pelabur-pelabur luar negeri



untuk melabur di negara ini.

Pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tambah Yang Berhormat sentiasa komited dan terus berusaha memperbaiki persekitaran perniagaan yang boleh memperkasa ekonomi negara agar dapat berkembang maju.

"Ke arah ini semua lapisan masyarakat diminta untuk berganding bahu dan penuh gigih dan iltizam meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, terutama di luar sektor minyak dan gas yang dikenal pasti boleh dikembangkan. Ini memerlukan kita untuk lebih inovatif dan kreatif serta dengan berani meneroka peluang-peluang baharu," ujar Yang Berhormat.

Bebaskan diri suka berpeluk tubuh

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Pertumbuhan ekonomi sebuah negara bergantung pada peranan kerajaan dan sektor swastanya dan sehubungan itu, kita semua wajar mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan.

Kita perlu meningkatkan *sense of urgency*, agar penjimatan, penambahbaikan dan urus tadbir dalam kerajaan dan perniagaan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Perkara di atas ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dalam cadangan Usul Menjunjung Kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 pada 5 Mac lalu yang berlangsung di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di sini.

Yang Berhormat, dalam Usul Menjunjung Kasih semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 MMN di hari kedua yang berlangsung petang tadi di Dewan Persidangan MMN.

"Kita perlu dengan serius mengamati titah Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya membebaskan diri daripada segala sikap yang merugikan, iaitu suka berpeluk tubuh dan ketandusan semangat patriotik dan melangkah bergerak menjadi lebih super dan progresif bukan lebih culas dan lemah. Kita sewajarnya bertindak menjadikan semua cabaran yang dihadapi sebagai peluang," jelas Yang Berhormat.

Tambahnya, walaupun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan namun kita mesti mengambil sikap berhemah dalam berbelanja dengan lebih memfokus pada keperluan dan keutamaan.

Dengan usaha-usaha sedemikian dan disertai dengan budaya berhemah, ujar Yang Berhormat, kerajaan dalam jangka panjang insyaaAllah akan dapat meneruskan

program-program pembangunan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta penduduk, sama ada bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar tidak akan terjejas.

Menurut Yang Berhormat lagi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah bahawa kita masih mampu untuk melakukan yang terbaik dengan tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada dan dalam melangkah ke hadapan, kita perlu melakukan anjakan paradigma atau perubahan minda untuk menerokai strategi dengan berani, kreatif, inovatif yang akan mampu mengubah cara kita berfikir dalam membawa kita ke tahap pembangunan yang lebih tinggi. Perubahan minda seperti ini haruslah ditekankan kepada dua aspek, iaitu

budaya prestasi dan penyampaian di peringkat sektor awam dan swasta, khususnya kepada generasi muda.

Yang Berhormat juga seterusnya berkata, di mana adalah perlu untuk kita meningkatkan kerjasama dan bekerja secara berpasukan di antara sektor awam dan swasta dalam menanam semangat bersatu padu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

"Perubahan minda perlu diterapkan bagi membentuk pemikiran yang selari dengan aspirasi negara bagi menghasilkan nilai tambah dalam tugas dan keupayaan menyediakan warga Perkhidmatan Awam yang membudayakan nilai-nilai murni, ini termasuk memupuk keperibadian jati diri bagi menghadapi epektasi pelanggan dalam situasi ini yang kian mencabar. Warga Perkhidmatan Awam juga perlu diterapkan dengan budaya kerja cemerlang agar dapat memberikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, produktif serta berkesan," ujar Yang Berhormat.

Budaya prestasi di sektor awam dan swasta, jelas Yang Berhormat ini adalah sangat diperlukan sebagai salah satu prasyarat penting bagi mencapai aspirasi hala tuju Wawasan Brunei 2035. Marilah kita bersama mempertingkatkan sikap sentiasa bertanggungjawab dan menyumbang pada perekonomian negara dengan meneroka pelbagai modaliti seperti perkongsian sama awam dan swasta, *public private partnership* dalam membangun infrastruktur yang berpotensi menjana perekonomian yang lebih tinggi.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di hari kedua, sesi petang yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN.

Jenama Halal Brunei tarik minat pengusaha luar



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Usaha Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara ini telah menunjukkan peningkatan yang baik termasuk projek mega di Pulau Muara Besar yang akan dapat meningkatkan penghasilan negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada anak-anak tempatan untuk mengatasi masalah pengangguran.

Kita berharap usaha menarik FDI

ini akan terus dikembangkan melalui strategi yang mapan untuk mampu bersaing dengan negara-negara jiran dan serantau.

Ini dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim semasa memberikan cadangan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN di hari kedua yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Dewan Majlis di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, selain sumber alam, aset yang tidak kurang pentingnya kita miliki ialah sebuah negara Melayu Islam Beraja yang aman, makmur dan sejahtera termasuk produk nama jenama halal Negara Brunei Darussalam yang sedang kita kembangkan.

Seperti yang kita ketahui, tambah Yang Berhormat banyak pengusaha luar negara yang berminat dengan jenama Halal Brunei. Peluang ini perlu kita rebut dan memanfaatkan melalui strategi yang lebih efektif.

"Menyentuh produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh Pengusaha Kecil dan Sederhana termasuk hasil produk Majlis Perundingan Kampung (MPK). Kita dapat perhatikan adalah semakin meningkat dan berkembang di

seluruh negara," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, kita harus berusaha meningkatkan kualiti dan kuantiti bagi menembusi pasaran ataupun eksport keluar negara bagi menyahut kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini, kita perlu mencari mekanisme yang tepat termasuklah strategi bagaimana memasarkan produk-produk tersebut ke luar negara.

Sementara itu, terang Yang Berhormat pula, peluang-peluang perniagaan dalam BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan TTP seperti



yang disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat luas dan hanya tinggal lagi keupayaan serta keberanian peniaga-peniaga kita untuk meneroka pelbagai sektor perniagaan yang ada.

Pelbagaikan ekonomi negara tanpa bergantung hasil minyak, gas

Laporan :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Rakyat dan penduduk di negara ini diseru agar terus berusaha mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak terus semata-mata bergantung pada hasil minyak dan gas, perlu kita berikan perhatian dan keutamaan apatah lagi ketika negara-negara pengeluar minyak tidak terkecuali negara kita sedang menghadapi impak dari turunnya harga minyak dunia dan tidak syak lagi sektor swasta perlu diperkasa yang mana ini merangkumi pelbagai bidang seperti perindustrian, pertanian, perikanan, perladangan, perkhidmatan serta keusahawanan dan sebagainya.

Ini dinyatakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim semasa memberikan cadangan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari kedua yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat turut berharap langkah-langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dilaksanakan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara seperti mempermudah untuk mendapatkan Lesen Perniagaan melalui *online* dan beberapa jenis perniagaan tidak lagi memerlukan lesen, tentunya akan mempermudah serta mendorong semangat rakyat negara ini untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan dan keusahawanan.

"Kita percaya pihak kerajaan akan

terus berusaha merancang strategi sekali gus menyediakan dan meningkatkan persekitaran yang lebih kondusif baik dari segi perundangan, peraturan, infrastruktur dan perkara-perkara lain yang diperlukan. Ini tentunya bukan hanya akan dapat merangsang minat peniaga tempatan, tetapi jua akan dapat menarik pelabur asing," ujar Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, tambah Yang Berhormat para usahawan khasnya dan rakyat umumnya perlu lebih proaktif, kreatif, inovatif dan produktif untuk merebut peluang-peluang yang telah disediakan itu.

Jelasnya, untuk mengembangkan bidang perniagaan ini, satu perkara yang juga harus kita berikan tumpuan ialah mengenai para penuntut lepasan dari institusi-institusi pengajian tinggi, pendidikan vokasional di mana sejak beberapa dekat yang lampau kita telah dapat mengeluarkan ribuan lulusan vokasional seperti kejuruteraan, mekanik kereta, mekanik pendingin udara, pendawaian elektrik, *welding* dan dandanan rambut, jahitan, masakan, pembuatan kek, teknologi maklumat (IT) termasuk penuntut lulusan dari sekolah perdagangan dan lain-lain.

Namun, terang Yang Berhormat, jarang sekali kita melihat mereka berjaya mengusahakannya dan dalam hal ini kita perlu membuat kajian mengenai apa penyebab perkara ini berlaku dan bagaimana kita boleh mengubah minda mereka supaya menjadi *business-minded* atau menjadi apa-apa yang perlu disediakan untuk mereka.

SME tingkatkan pencapaian perusahaan lebih meluas

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak membantu rakyat dari segi infrastruktur dan kemudahan yang pro-bisnes.

Oleh itu, terpulang kepada rakyat untuk merebut peluang yang diberikan oleh kerajaan bagi memperkasakan ekonomi.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit menyuarakan perkara tersebut pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari kedua yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

Selain itu, Yang Berhormat menjelaskan, kerajaan juga telah

menubuhkan Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) bagi meningkatkan pencapaian agar perusahaan ini lebih meluas, berdaya saing, berdaya tahan, bukan sekadar untuk sara diri malahan boleh dieksport dan mencapai tahan antarabangsa.

"Pemikiran yang masih mahu bergantung pada bantuan-bantuan kerajaan perlu dikikis," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, peranan sebagai rakyat ialah agar berupaya melakukan tindakan yang bersesuaian dengan keadaan sekarang dan akan datang, iaitu berkenaan dengan mengurangkan pergantungan pada hasil sumber minyak dan gas.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, ada beberapa perkara yang perlu dilaksanakan, iaitu jangan lagi berfikir bahawa kelulusan tinggi mesti akan menjawat sebagai pegawai tinggi di jabatan-jabatan kerajaan atau sektor swasta.

Menurut Yang Berhormat, generasi sekarang dan akan datang perlu menganggap bahawa ilmu itu adalah sebagai pemangkin kepada apa juga bentuk pekerjaan terutama yang boleh menjana ekonomi negara misalnya diguna pakai untuk bekerja sendiri dengan menjadi pengusaha di bidang pertanian, sektor pelancongan, perikanan, perkilangan dan perusahaan-perusahaan lain.

"Pusat SME, adalah sebagai indung SME, yang akan mendahului dan memantau sehingga anak-anak SME berjaya dan boleh berdiri sendiri barulah boleh melepaskan mereka berdikari," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, tegas Yang Berhormat,

proses tatacara atau peraturan melaksanakan perusahaan dan perniagaan sangat penting dipermudahkan dan perkara-perkara yang melambat atau menghalang harus diambil perhatian.

Menurut Yang Berhormat lagi, pihak agensi-agensi berkenaan perlulah mempunyai daya kreativiti mencipta produk atau perusahaan terbaharu dari sumber asli yang banyak tersedia di negara ini, atau sumber dari luar yang lebih murah untuk ditambah nilai (*value added*).

Selain itu, jelas Yang Berhormat, keupayaan menjemput pakar-pakar bagi mengajar pengusaha-pengusaha, penduduk mukim dan kampung bagi menghasilkan ratusan mahupun ribuan jenis produk adalah penting yang mana produk-produk yang terhasil nanti dapat dipromosikan menerusi dari dalam dan luar negeri atau menjemput pengusaha-pengusaha luar negara untuk melihat produk-produk kita serta peluang-peluang perniagaan di negara ini bagi menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Di samping itu, Yang Berhormat menambah, bengkel atau kursus celik kewangan juga penting dilaksanakan secara berterusan yang melibatkan semua peringkat penduduk mukim dan kampung, pelajar-pelajar, pegawai-pegawai dan kakitangan sektor awam atau swasta.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa peranan proaktif dan inovatif Kementerian-kementerian yang berkenaan dengan melaksanakan kursus kemahiran teknikal, vokasional dan kejuruteraan serta menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* di semua peringkat adalah amat sesuai dan bertepatan dengan sebahagian dari Kerangka Kerja Wawasan 2035.

Pengusaha tempatan mudah berpuas hati



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Syarikat pengusaha-pengusaha tempatan yang sudah mencapai tahap tertentu, mudah berpuas hati dengan pencapaian masing-masing, malah

SDC penyedia dana perusahaan tempatan, FDI

Laporan : Norliah Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Strategic Development Capital (SDC) ditubuhkan oleh kerajaan sebagai penyedia dana pada perusahaan tempatan dan Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI) yang berminat untuk bertapak dan tumbuh serta berkembang dari tahun ke tahun.

Suntikan pelaburan oleh pihak SDC selama ini kebanyakannya kepada syarikat-syarikat FDI kerana syarikat ini memang mempunyai *track record* yang terbukti dari segi pertumbuhan hasil dan jualan di peringkat antarabangsa.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, ketika membahaskan usul pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kedua di Dewan Persidangan MMN.

Yang Berhormat berkata, kedatangan FDI ke negara ini bukan mensasarkan pasaran dalam negara ini, akan tetapi untuk eksport ke negara-negara ASEAN dan lain-lain.

Kebanyakannya, ujar Yang Berhormat adalah syarikat-syarikat yang sudah tersenarai di bursa saham terkemuka di negara masing-masing.

Oleh itu, isu transparansi dan urus tadbir yang baik adalah tidak menjadi keraguan mana-mana pelabur termasuk penyumbang dana Venture Capital di bawah SDC.

Inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menubuhkan SDC ini, kata Yang Berhormat memang sesuai apatah lagi dana ini memberi fokus pada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan yang sudah mempunyai produk-produk dan perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan, dengan syarat pihak pengurusan syarikat sentiasa

berfikir terbuka untuk mengamalkan urus tadbir baik dan untuk terus tumbuh sehingga ke luar sempadan negara.

Jika hasil syarikat sudah mencapai BND20 juta setahun, jelas Yang Berhormat, maka adalah lebih mudah meningkatkan hasil pendapatan syarikat kepada BND25 juta atau BND30 juta setahun dalam masa 5 tahun ke 10 tahun.

"Akan tetapi tidak semudah itu bagi menjanjikan pertambahan hasil bagi syarikat yang baharu ataupun *start up* untuk mencapai BND1 juta ke BND5 juta dalam setahun," tegas Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sangat-sangat mengharapkan Ahli-Ahli MMN untuk berpandangan lebih jauh dan cepat ke hadapan termasuk dalam perkara-perkara yang akan membawa impak kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara ini.

Pada Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat mengambil berat serta prihatin terhadap prestasi pertumbuhan ekonomi negara yang lembap beberapa tahun kebelakangan, ditambah pula dengan penurunan harga minyak dunia sepanjang beberapa bulan yang lalu.

Sepertimana titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ujar Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai program, termasuk program bagi memudahkan orang ramai bagi memulakan perniagaan, program mengembangkan PKS serta program menggalakkan perkembangan FDI ke negara ini.

Kerajaan juga sekian lama telah menubuhkan dana pelaburan atau SDC untuk membuat pelaburan ke dalam syarikat FDI dan PKS dalam negara tertakluk kepada kesediaan syarikat FDI serta PKS berkenaan.

Laporan : Norliah Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ada di antaranya mempunyai hasil pendapatan syarikat yang hampir sama sepanjang 10 tahun.

"Umumnya, kelihatan syarikat menjadi berjaya; nampaknya mereka meraih keuntungan; syarikat membayar dividen kepada pelabur; syarikat juga membayar cukai kepada kerajaan; syarikat ini mengambil pekerja tempatan; syarikat ini aktif dalam kerja-kerja amal dan pemilik syarikat kelihatan hidup sangat selesa dan lain-lain."

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong ketika membahaskan usul pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kedua, di Dewan Persidangan MMN.

Jelas Yang Berhormat, kekurangan mereka ialah terlalu selesa, tidak tumbuh dan cuma membuat sasaran pada pasaran dalam negara dan mereka masih tidak dapat menembusi pasaran eksport.

"Apatah lagi ada syarikat hanya diterajui oleh ahli-ahli keluarga dan bukan diterajui oleh orang-orang profesional dan urus tadbir adalah

tidak mengikut amalan terbaik antarabangsa," tambah Yang Berhormat.

Kesemua ini, kata Yang Berhormat, menyebabkan pengurus dana pelaburan agak tidak selesa atau memakan masa yang panjang untuk menilai dan membuat keputusan sama ada suntikan modal atau tidak dalam syarikat-syarikat berkenaan.

Modal-modal ini, jelas Yang Berhormat, hanyalah dapat disuntik ke dalam syarikat jika syarikat berkenaan mempunyai aspirasi untuk tumbuh secara berterusan dan jika syarikat menghargai urustadbir baik, menghargai adanya buku kira kira terkini, menghargai adanya talent dalam pengurusan, dan lain-lain.

Yang Berhormat menambah, berpandukan Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 2014 yang dikeluarkan oleh JPKE, ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) itu umumnya adalah jumlah semua hasil pendapatan syarikat yang beroperasi dalam negara ini setelah ditolak *intermediate costs* masing-masing.

Ini bererti jika hasil pendapatan syarikat bertahan sahaja



bertahun-tahun, maka ekonomi atau KDNK juga cuma akan bertahan dan tidak akan tumbuh, tegas Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, terang Yang Berhormat, jika kita mahu melihat ekonomi negara kita tumbuh berterusan maka hasil pendapatan syarikat dalam negara juga mestilah juga tumbuh berterusan dan ini tidak akan berlaku jika syarikat-syarikat hanya menasaskan keluaran dan jualan mereka kepada pasaran domestik sahaja.

Syarikat-syarikat tempatan termasuk GLCs tidak boleh tidak, mestilah menasaskan pasaran eksport yang sangat luas itu, tegas Yang Berhormat.

Teliti pemilihan FDI ke negara ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara ini perlulah benar-benar dibuat penelitian agar pemilihan FDI tersebut bukan sahaja memberi pulangan dan keuntungan dari aspek kewangan pada negara, tetapi juga membantu menyediakan sumber tenaga tempatan dalam sektor-sektor berkenaan.

Kajian terperinci juga perlu dibuat seperti setakat mana keperluan yang hendak dicapai dalam sektor berkenaan dalam mengimbangi hasil pendapatan minyak dan gas di negara ini.

"Dengan adanya sukat-sukat tertentu kita akan lebih berhati-hati dalam pemilihan dan tidak akan berlaku isu kerugian yang besar dalam pelaburan negara," ujar Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin ketika membahaskan usul pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kedua di Dewan Persidangan MMN.

Menurut Yang Berhormat, FDI juga mustahak mengambil kira status negara yang mempunyai standard yang tinggi mengenai isu halal.

"Apa yang menjadi keutamaan dalam isu ini adalah bagaimana kita menangani isu halal dengan lebih serius lagi, cepat, cekap dan teratur," tegas Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah agar Ahli-Ahli Yang Dilantik memberikan saranan atau buah fikiran mengenai cara-cara mengurangkan ketergantungan kepada sumber minyak dan gas



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Laporan : Norliah Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

serta bagaimana negara dapat menjana pendapatan.

Ujar Yang Berhormat, baginda juga bertitah agar perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan termasuk sektor swasta dan dasar kerajaan ialah memperkasa Sektor Swasta untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan termasuk infrastruktur dan perundangan yang pro bisnes.

Yang Berhormat menjunjung tinggi keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah banyak melaksanakan reformasi bagi pro bisnes untuk kita dapat menjana kepelbagaian ekonomi negara dan menyebarkan sokongan atas usaha-usaha kerajaan dalam menggiatkan lagi sektor perniagaan serta keusahawanan dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Sementara itu, Yang Berhormat

juga menyedari akan keperluan meningkatkan ekonomi negara dengan memperkasa Sektor Swasta, di mana beberapa pandangan dan saranan telah diutarakan dalam persidangan-persidangan yang lalu dan pihak-pihak berkenaan telah membuat perancangan dan pelan-pelan strategik sehingga berjaya melaksanakan salah satu antara inisiatif, iaitu Darussalam Enterprise atau DARE, yang keahliannya dianggotai oleh 80 peratus peniaga dan pengusaha tempatan.

Apa yang diharapkan, kata Yang Berhormat, peluang-peluang yang bakal disediakan akan lebih memberi laluan dan penglibatan secara langsung kepada warga tempatan yang hendak berkecimpung atau yang sudah bergiat, untuk lebih berkembang maju bukan sahaja di dalam negara bahkan di luar negara.

Iklm perusahaan, perniagaan negara masih mendatar

Laporan : Norliah Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Iklm perusahaan dan perniagaan negara masih pada tahap mendatar dan belum boleh dibanggakan kerana masih lagi bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas.

Kelongsaran dalam Ease of Doing Business dan mengemaskinikan peraturan-peraturan sahaja tidak memadai untuk mengangkat atau meningkatkan tahap Sektor Bukan Minyak dan Gas di negara ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ketika membahaskan usul pada hari kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Ujarnya, kita perlu berusaha bersungguh-sungguh dan mempersoalkan kenapa kita belum berjaya.

Platform perusahaan dan perniagaan, kata Yang Berhormat, sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan Trans Pacific Partnership (TPP) bagi menjana pertumbuhan ekonomi telah tersedia.

Yang Berhormat menambah, ada beberapa pendekatan dan cabaran-cabaran yang harus dipertimbangkan bersama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Antara pendekatan itu kata Yang Berhormat ialah *mindset* pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kita mestilah mahu berubah untuk berkembang dan berani meneroka pasaran bukan sahaja di dalam negeri bahkan juga di luar negeri.

Selain itu, kata Yang Berhormat, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah terus berusaha membantu dan membimbing para pengusaha dan peniaga yang aktif dalam bidang masing-masing seperti pemakanan produk halal, pelancongan, pengangkutan, pertanian, ternakan ayam, ikan dan lain-lain lagi sehingga mereka mencapai kejayaan terutama kepada *entrepreneur* belia kerana mereka inilah diharap untuk meneruskan hasrat negara untuk mencapai wawasan 2035.

Yang Berhormat menambah kursus-kursus keusahawanan dan jerayawara bagi memberi suntikan kefahaman dan semangat kepada mereka serta ajar dan bimbing mereka ke arah bekerjasama Tour Adventure dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan pengusaha-pengusaha di luar negeri

perlulah diteruskan.

Kata Yang Berhormat lagi, kita penuh berharap penubuhan pusat untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana, Darussalam Enterprise akan dapat merealisasikan hasrat murni itu, di samping menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang berpatutan bagi membantu perusahaan dan perniagaan mereka berkembang.

Dalam usul itu, Yang Berhormat turut menekankan bahawa produk IKIP yang diusahakan oleh penduduk kampung di seluruh negara yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal, orang-orang kurang upaya, janganlah dipandang kecil.

Terang Yang Berhormat, jika produk ini ditangani dan dibantu secara bersepadu dan dipusatkan operasinya, kualiti dan pasarannya dengan betul, ia juga boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara bukan sahaja untuk sara diri bahkan juga untuk pengekspornan ke luar negeri.

Yang Berhormat berkata, pihak-pihak swasta, dewan-dewan perdagangan dan perniagaan yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam ini serta pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga tempatan yang sudah bertapak dan berjaya adalah dipelawa



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

menyumbang sama terhadap kemajuan ekonomi negara sebagai sumbangan terhadap bangsa dan negara.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, dipohonkan kerjasama dari duta-duta kita yang berada di luar negara untuk terus berusaha memainkan peranan mereka dalam mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan perusahaan yang bersesuaian dan berpatutan dengan kemampuan para pengusaha dan peniaga kita.

Dalam usul itu Yang Berhormat mencadangkan agar perkara-perkara yang disebutkan itu dipusatkan di bawah satu agensi kerajaan yang penuh bertanggungjawab agar mudah memfokus perkembangannya.

Dengan bilangan penduduk Negara Brunei Darussalam yang hanya seramai 400 ribu orang, ujar Yang Berhormat, kita perlu berganding bahu, bersatu dalam semua perkara demi menjana ekonomi negara.

Mantapkan sumber tenaga manusia melalui pendidikan

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Dalam menghadapi pelbagai situasi dan persekitaran

dalam usaha membangun negara, memajukan ekonomi dan dalam usaha bersaing di arena antarabangsa serta seumpamanya aset penting yang perlu ada ialah sumber kerja manusia yang berilmu, berkepakaran, berkemahiran, berketerampilan.

Ke arah itu, maka sumber tenaga manusia hendaklah kita mantapkan, tidak lain dan tidak bukan ialah melalui pendidikan yang berkelas dunia.

Ini dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari kedua yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Tambah Yang Berhormat, dalam menyediakan keperluan tenaga

kerja, kita jangan lupa keperluan sektor 3D yang membawa makna *dangerous, difficult and dirty* (bahaya, susah dan kotor). Sektor ini perlu diberi penjenamaan yang baharu dan tawaran gaji yang lumayan supaya lebih menarik dan glamour agar belia berminat menceburi bidang tersebut.

Yang Berhormat juga turut berharap agar isu-isu dan cadangan-cadangan yang relevan dan bermanfaat yang telah dibincangkan pada Musim Permesyuaratan yang lalu termasuk yang akan dibincangkan pada masa ini supaya akan dapat dibuat susulan khususnya bagi yang belum dilaksanakan selaras dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beri peluang pelabur luar usahakan industri

Laporan : Norliah Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Pelabur luar hendaklah diberi peluang dan kemudahan untuk mengusahakan sesuatu industri dengan kerjasama sektor swasta negara ini untuk meningkatkan pendapatan negara selain daripada minyak dan gas.

Di samping itu, anak-anak tempatan yang berkebolehan serta mahir dalam bidang masing-masing diberi peluang bekerja dan menjadi tenaga penggerak di industri tersebut.

Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf berkata demikian ketika membahaskan usul pada hari kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Kata Yang Berhormat, selaku pemimpin masyarakat akar umbi, Yang Berhormat menyambut baik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Ahli-Ahli MMN meneruskan serta melipatgandakan dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka bermastautin di kawasan-kawasan bandar mahupun di luar bandar.

"Ini bererti bahawa harapan baginda supaya kita peka dengan apa jua yang dihadapi oleh mereka itu dan seterusnya tindakan susulan," jelas Yang Berhormat.



ANTARA yang menghadiri hari kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN (7a) BILANGAN IKLAN 09/03/2016(SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 23 MAC 2016

1. PENOLONG KERANI SULIT D.3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = 6	2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II D.2 EB.3-4 BAHAGIAN IV JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = 1
--	--

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik siji-siji atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, siji-siji kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (*Scanner*) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong.
 - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimuatnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
- PoC adalah bertanggungjawab bagi menghadapkan pengesahan atau penolakan bagi pemohon di Kementerian / Jabatan berkenaan.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn
UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI:
www.spa.gov.bn , recruitment.gov.bn &
FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**SENARAI NAMA-NAMA PEMOHON SKIM RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA
DAERAH BELAIT TAHUN 2015 YANG AKAN DITEMU DUGA DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
CAWANGAN BELAIT, SIMPANG 363-29 JALAN PANDAN 7 KUALA BELAIT**

HARI/TARIKH : ISNIN, 14 MAC 2016

BIL.	NAMA PEMOHON	K/P PEMOHON	MASA
1	AWANG ADE ROSAIRE BIN SATUR	01-053354 K	8.30 PAGI
2	AWANG ARIF BIN HAJI ADAM	00-304064 K	8.30 PAGI
3	AWANG MUHAMMAD AZROY BIN ABDULLAH OTHMAN @ AZROY ANAK OTHMAN	01-049209 K	8.30 PAGI
4	DAYANG NUR FARAH WAHIDA BINTI OTHMAN	01-040752 K	8.30 PAGI
5	AWANG ABDUL WALIYUDDIN BIN AHMAD MAHMUD	01-044957 K	8.30 PAGI
6	AWANGKU MOHAMAD RAHIMEY BIN PENGIRAN MAHRUP	00-298858 K	8.30 PAGI
7	DAYANG ANI ZUHAIKHA BINTI HAJI SABLI	01-054179 K	8.30 PAGI
8	DAYANG NUR RABI'ATUL 'ADAWIYAH BINTI ZAINAL ABIDIN NASIR	01-065835 K	8.30 PAGI
9	AWANG KHAIRUL AZWAN BIN MAHALI	01-060555 K	8.30 PAGI
10	DAYANG RAFIDAH BINTI HAJI IBRAHIM	01-043368 K	8.30 PAGI
11	DAYANG DANICA LEE XIN MEI	01-079476 K	10.00 PAGI
12	AWANG HAJI MOHAMMAD RUZAINI BIN YAHYA	00-319798 K	10.00 PAGI
13	DAYANG SITI NURATIQA BINTI MOHAMED SABLI	01-056827 K	10.00 PAGI
14	AWANG ABDUL AZIM BIN ZALAIN	01-043738 K	10.00 PAGI
15	DAYANG ELVEEN VELLIANNA BINTI HAJI ABD SALAM	00-271459 K	10.00 PAGI
16	AWANG MUHAMMAD NASRI BIN HAJI ISMAIL	01-056979 K	10.00 PAGI
17	AWANG MAHMOUD SYEZY BIN HAJI ISMAIL	00-316899 K	10.00 PAGI
18	DAYANG FAEZAH BINTI AWANG SABLI	01-065647 K	10.00 PAGI
19	DAYANG NURMAJIDAH HAYATE BINTI HAJI MATASSAN	01-055525 K	10.00 PAGI
20	AWANG MUHAMMAD AZIZUL HAKIM BIN HAJI KHALID	01-037966 K	10.00 PAGI

**SENARAI NAMA-NAMA PEMOHON SKIM RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA
DAERAH BELAIT TAHUN 2015 YANG AKAN DITEMU DUGA DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
CAWANGAN BELAIT, SIMPANG 363-29 JALAN PANDAN 7 KUALA BELAIT**

HARI/TARIKH : SELASA, 15 MAC 2016

BIL.	NAMA PEMOHON	K/P PEMOHON	MASA
1	DAYANG SUSAN LEONG YEN CHIN @ SUSAN LEONG YAN YAN	01-070795 K	8.30 PAGI
2	AWANGKU ABDUL AZIM BIN PENGIRAN HAJI OTHMAN	01-041620 K	8.30 PAGI
3	AWANG CHOO YUEN HAW	01-078255 K	8.30 PAGI
4	AWANG AHMED ARIEZ BIN HAJI YUSOP GHANI PIUT	01-068933 K	8.30 PAGI
5	AWANGKU MUHAMMAD NIZAMUDDIN BIN PENGIRAN DAUD	01-068746 K	8.30 PAGI
6	AWANG MUHAMMAD HADI BIN ABDUL RAHIM RAWNSLEY @ HARRYANDY ANAK RAWNSLEY	01-050637 K	8.30 PAGI
7	DAYANG SHAKIRAH BINTI MOHAMAD	01-054864 K	8.30 PAGI
8	AWANG RAZIF ANAK MULO	01-035929 K	8.30 PAGI
9	AWANG MUHAMMAD FIRDAUS BIN ARIFFIN	01-071350 K	8.30 PAGI
10	DAYANG NUR ARINAH BINTI ARIFFIN	01-051566 K	8.30 PAGI
11	AWANG MUHAMMAD ZAIEM WAFIYUDDIN BIN HAJI SALIM	01-030462K	10.00 PAGI
12	AWANG MUHD RUZAINI BIN RUJILAN	01-049357K	10.00 PAGI
13	AWANG ABD HAKIM BIN IBRAHIM	01-060773K	10.00 PAGI
14	AWANG ABDUL HAKIM BIN AWANG YAKOF	01-032433K	10.00 PAGI
15	AWANG SALDI SOHADEY BIN SALIM	00-294651K	10.00 PAGI
16	DAYANG NORZURIANI BINTI MD. SANI	01-046805K	10.00 PAGI
17	AWANG NORIMAN BIN HAJI PUNGUT	01-032766K	10.00 PAGI
18	AWANG HAJI NURUL EHSAN BIN HAJI PUNGUT	01-077626K	10.00 PAGI
19	DAYANG KARTIKA BINTI ABU BAKAR	00-288886K	10.00 PAGI
20	DAYANGKU SUMAIYAH BINTI PENGIRAN HAJI MOMIN	01-032083 K	10.00 PAGI

**SENARAI NAMA-NAMA PEMOHON SKIM RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA
DAERAH BELAIT TAHUN 2015 YANG AKAN DITEMU DUGA DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
CAWANGAN BELAIT, SIMPANG 363-29 JALAN PANDAN 7 KUALA BELAIT**

HARI/TARIKH : RABU, 16 MAC 2016

BIL.	NAMA PEMOHON	K/P PEMOHON	MASA
1	AWANG MUHAMMAD AR-RAYYAN BIN ABDULLAH ENCHIE	00-304479 K	8.30 PAGI
2	AWANG MOHAMAD SOFIAN BIN HAJI BUJANG	00-270701 K	8.30 PAGI
3	AWANG MOHD SOFIAN BIN HUSSAIN	00-291828 K	8.30 PAGI
4	AWANG ABDUL HADI BIN ABD MUTALIB	01-065596K	8.30 PAGI
5	DAYANGKU NORHARRA DIANA BINTI PG HJ BAHAR	00-293053K	8.30 PAGI
6	AWANG FOO YAU TECK	01-111069 K	8.30 PAGI
7	AWANG MUHAMMAD KHAIRI BIN RAMERAN	01-057884 K	8.30 PAGI
8	AWANGKU MUHAMMAD NOR 'IMAN BIN PENGIRAN SANI	01-045593 K	8.30 PAGI
9	DAYANG UMMI WAHB BINTI RAYALI	01-074601 K	8.30 PAGI
10	AWANG MUHAMMAD NAZIRUL BIN HAJI BUJANG	01-036815 K	8.30 PAGI
11	AWANG MOHAMAD HAMIZAN @ SUFRI BIN SUHAILI	01-062190 K	10.00 PAGI
12	AWANG MUHAMMAD HAFIZ BIN MUHAMMAD HUSSIN	01-084278 K	10.00 PAGI
13	DAYANG NUR ISFALEEZAN BINTI ROSLEE	01-035913 K	10.00 PAGI
14	DAYANG NURUL NAZIERA BINTI BOLHASSAN	01-042469 K	10.00 PAGI
15	AWANGKU MUHAMMAD NASHRUDDIN BIN PENGIRAN MOHD HELMI	01-088632 K	10.00 PAGI
16	AWANG AHMAD FAUZI BIN TALI	01-079334 K	10.00 PAGI
17	DAYANG NURUL MUNERRA BINTI MUHAMMAD JEFFERY	01-054764 k	10.00 PAGI
18	AWANG SIM HUNG SIANG	01-072862 K	10.00 PAGI
19	DAYANG AMALIE CHIN SIAW FANG	01-082667 K	10.00 PAGI
20	DAYANG AISAH NADZIRAH @ AMOI BINTI ROSLAN	01-053515 K	10.00 PAGI

**SENARAI NAMA-NAMA PEMOHON SKIM RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA
DAERAH BELAIT TAHUN 2015 YANG AKAN DITEMU DUGA DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
CAWANGAN BELAIT, SIMPANG 363-29 JALAN PANDAN 7 KUALA BELAIT**

HARI/TARIKH : KHAMIS, 17 MAC 2016

BIL.	NAMA PEMOHON	K/P PEMOHON	MASA
1	DAYANG SORAYA BINTI HAJI ROSLEE	01-094640 K	8.30 PAGI
2	AWANGKU ABDUL WAFI BIN PENGIRAN AZAHARI	01-047299 k	8.30 PAGI
3	DAYANG NUR ATIQA BINTI ROSLAN	01-071415 K	8.30 PAGI
4	AWANG MUHAMMAD AL-SYAZWAN BIN ABDULLAH CHEONG @ FREDY CHEING	01-069217 K	8.30 PAGI
5	AWANG KAMARUL BIN HAJI RAMBLI	01-059227 K	8.30 PAGI
6	AWANG LIEW KIT WEI	01-033705 K	8.30 PAGI
7	AWANG MUHAMMAD FEZROL BIN MD MORN	00-308973 K	8.30 PAGI
8	AWANG RAFIZAN ANAK ROMEO	01-066119 K	8.30 PAGI
9	DAYANG DURAH NAZAHIMAH BINTI MARTILU	01-033192 K	8.30 PAGI
10	DAYANG NUR LIYANA BINTI TALIP	01-044548 K	8.30 PAGI
11	AWANG SHUKRI BIN HAJI TAHIR	00-259961 K	10.00 PAGI
12	AWANG MUHAMMAD QAWIEM FAREQ BIN HAJI ABDULLAH	00-318792 K	10.00 PAGI
13	AWANG MUHAMMAD NASRULLAH BIN MOHD ESA	01-033257 K	10.00 PAGI
14	DAYANG NUR SHALEHAH BINTI AWANG ABDULLAH	01-079499 K	10.00 PAGI
15	DAYANG NUR IZNI BINTI HAJI ARJUNA	01-050007 K	10.00 PAGI
16	DAYANG MUNA ASILAH BINTI KEFLI	01-043138 K	10.00 PAGI
17	AWANG MUHAMMAD NAZIRUL SYAFIQ BIN MD JAWI	01-072155 K	10.00 PAGI
18	DAYANG NURKHAIRUNNISA BINTI IDRIS	00-321011 K	10.00 PAGI
19	AWANG MUHAMMAD AMIR HAMZAH BIN ROSLAN	01-061712 K	10.00 PAGI
20	AWANG MUHAMMAD ABDULLAH SANI BIN ROSLAN	01-061709 K	10.00 PAGI

Ke muka 19

Dari muka 18

SENARAI NAMA-NAMA PEMOHON SKIM RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA
DAERAH BELAIT TAHUN 2015 YANG AKAN DITEMU DUGA DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
CAWANGAN BELAIT, SIMPANG 363-29 JALAN PANDAN 7 KUALA BELAIT

HARI/TARIKH : SABTU 19 MAC 2016

BIL.	NAMA PEMOHON	K/P PEMOHON	MASA
1	AWANG MOHAMAD KHAIROL BIN LAMAT	01-032142 K	8.30 PAGI
2	AWANG MOHAMMAD KHAIRULAMIRIN BIN MAHADINI	01-048472 K	8.30 PAGI
3	AWANG MOHAMMAD IZZAT SAIFULLAH BIN MOHAMMAD MUNIR	01-049240 K	8.30 PAGI
4	DAYANGKU NORMAHAYATI BINTI PENGIRAN OMAR	00-251237K	8.30 PAGI
5	AWANG EMIAMANSYAH BIN HJ SARABANI	00-286582K	8.30 PAGI
6	AWANG MOHAMMAD IZZAITUL REEZA BIN ADNAN	01-034673K	8.30 PAGI
7	DAYANG FARHANA BINTI HAJI JAMAIN	01-065152K	8.30 PAGI
8	AWANG MOHAMAD HAZIZI BIN ROSLAN	01-046138K	8.30 PAGI
9	DAYANG NURUL SHAHIDA BINTI HAMZAH	01-050837K	10.00 PAGI
10	AWANG AHMAD HARZALI BIN ROSLE	01-076157K	10.00 PAGI
11	DAYANG MASLINDADEE BINTI AWANG HAJI METUSIN	01-031815K	10.00 PAGI
12	DAYANG NURIAHNI BINTI HAJI MOHD SOFIAN	00-309351K	10.00 PAGI
13	AWANG HAZWAN BIN HARUN	00-315777K	10.00 PAGI
14	AWANG NOORALIZAIMY BIN MD NAYAN	01-041855K	10.00 PAGI
15	AWANG MD FAIZUL HAKIM BIN HJ MD SALEHIN	00-303572K	10.00 PAGI
16	DAYANG NORFAZILAH BINTI ZULKEFLI	00-317437K	10.00 PAGI
17	DAYANGKU SITI RABYIEAH BINTI PENGIRAN HJ YUSOF	01-030427K	10.00 PAGI
18	DAYANG MINA BINTI ABDULLAH	01-051036K	10.00 PAGI
19	AWANGKU MOHAMMAD ARIFF HAZWAN BIN PENGIRAN IBNU	00-312444K	10.00 PAGI
20	DAYANG NURUL HAZIQAH BINTI MUHD HAMZAH	01-038564K	10.00 PAGI



BAHAGIAN KESELAMATAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN TAWARAN : KSSUP/AFS/TWN-02/2016
TAJUK TAWARAN : "SUPPLY AND INSTALL GENERATOR STANDBY
SET EQUIPMENT, PIPEWORKS, TANKS AND ALL NECESSARY ACCESSORIES
FOR THE INSTALLATION TO BE DEEMED COMPLETE AS PER DRAWINGS
AND SPECIFICATIONS AND COMPLYING WITH DEPARTMENT OF
ELECTRICAL SERVICES (DES) AND DEPARTMENT OF MECHANICAL &
ELECTRICAL (DME) REQUIREMENTS"

TARIKH TUTUP TAWARAN : 15 MAC 2016, HARI : SELASA
JAM : 2.00 PETANG

TEMPAT : BANGUNAN BAHAGIAN KESELAMATAN AGRIMAKANAN
JALAN PERUSAHAAN SERASA, MUARA
YURAN TAWARAN : BND10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
TARIKH TUTUP MENGAMBIL BORANG TAWARAN : 12 MAC 2016

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan ke alamat berikut tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada hari Selasa, 15 Mac 2016.

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan
tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas
sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup
sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / pembekal.

4. Satu contoh dokumen tawaran akan diperlihatkan dan pembayaran yuran boleh dibuat
di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

5. Dokumen dan borang tawaran boleh diperolehi di Ibu Pejabat, Bahagian Keselamatan
Agrimakanan, Jalan Perusahaan Serasa, Muara dengan membawa dan melihatkan resit
pembayaran yang telah pun dibuat di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

6. Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**
bagi setiap tawaran pada waktu berkerja :

Hari Isnin hingga Khamis : 8.00 Pagi - 11.30 Pagi

1.30 Petang - 3.00 Petang

Hari Sabtu : 8.00 Pagi - 10.00 Pagi

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran
yang paling rendah.

8. Salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan
bersama.

9. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir **pada 12 Mac 2016, hari Sabtu,
jam 2.00 Petang.**



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI : PEGAWAI
KESELAMATAN YANG
BERDAFTAR DENGAN BAHAGIAN
PERLESENAN AGENSI PEGAWAI
KESELAMATAN, IBU PEJABAT
POLIS GADONG.**

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : 22 MAC 2016
(HARI SELASA)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
5 APRIL 2016 (HARI SELASA) TIDAK
LEWAT DARI JAM : 2.00 PETANG

BIL. : JKR/DBS/ETE001/2016
NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL 24 BULAN BAGI
PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN DAN LAWATAN BAGI
PEJABAT JKR CAWANGAN DAERAH
TEMBURONG (PWD 259)
(NO PROJEK : JKR/DBS/ETM001/2016)

YURAN TAWARAN : BND30.00
TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : III & IV SAHAJA
KATEGORI : (6e SAHAJA) -
(KOD LAMA)
(P06 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : 15 MAC 2016
(HARI SELASA)

TARIKH TUTUP : 29 MAC 2016
(HARI SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG

BIL. : JKR/DBSBM002/2016
NAMA PROJEK :
PENGANGKUTAN ALAT-ALAT
PERABOT DAN MENYUSUN KE
TEMPAT YANG KHAS BAGI
RUMAH PANGSA / BARIK DAN
BANGLO BAGI KAWASAN
BRUNEI / MUARA, TUTONG
DAN TEMBURONG BAGI
TEMPOH 18 BULAN
(NO.PROJEK : 2016DBSBM/JKR02)

YURAN TAWARAN : BND50.00
TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E-DOKUMEN : -

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBEKAL-PEMBEKAL
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI
DALAM KELAS : PEMBEKAL YANG
BERSESUAIAN KATEGORI : P06**

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : 22 MAC 2016
(HARI SELASA)

TARIKH TUTUP : 29 MAC 2016
(HARI SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR/DTS/03/STE/2016-T/II
NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MEMASANG
PERABOT PEJABAT DAN 'BLIND'
BAGI JABATAN PELABUHAN, MUARA
NO PROJEK: -

YURAN TAWARAN : BND10.00
TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah
dimasukkan ke dalam Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510,
Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari
alamat yang dinyatakan dalam iklan atau
dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat
dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan

tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dalam sampul surat yang rapi (*sealed*)
dengan menyatakan tajuk projek yang
berkenaan tanpa menyatakan nama penawar
dan dihantar ke alamat yang dinyatakan
dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah
dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian
Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama,
Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran
yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya,
Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai
dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah
dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak,
Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan
kepada mana juga kontraktor sama ada
berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja
yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran
dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki
membawa sijil pendaftaran kontraktor
dan pembekal yang menunjukkan bahawa
pemborong adalah yang berdaftar
di Kementerian Pembangunan dalam
kelas yang ditetapkan dan dikehendaki
membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan
dengan menggunakan borang-borang
tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
tidak akan semestinya menerima
tawaran-tawaran yang terendah atau
lain-lain tawaran.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BOT TEMUAI

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
MOE/LTK/85/2015/2016 (DA[BKP-MAC-2016])	TAWARAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BOT TEMUAI SEBANYAK 16 BUAH BAGI KAWASAN ZON A DIBAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN MULAI 01 JULAI 2016 HINGGA 30 JUN 2016 2019	\$100.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]	22/03/2016 [Tidak lewat jam 2.00 petang]
MOE/LTK/86/2015/2016 (DA[BKP-MAC-2016])	TAWARAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BOT TEMUAI SEBANYAK 14 BUAH BAGI KAWASAN ZON B DIBAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN MULAI 01 JULAI 2016 HINGGA 30 JUN 2016 2019	\$100.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]	22/03/2016 [Tidak lewat jam 2.00 petang]

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN.

ISNIN HINGGA KHAMIS	:	8:00 PAGI HINGGA 11:45 PAGI 1:45 PETANG HINGGA 3:00 PETANG
SABTU	:	8:00 PAGI HINGGA 10:00 PAGI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran yuran tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide tender*).

3. Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar yuran tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam Sila pastikan resit pembayaran Yuran tawaran yang diterima adalah betul.

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN ISNIN hingga KHAMIS 8.00 PAGI hingga 11.45 PAGI 1.45 PETANG hingga 3.00 PETANG SABTU 8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 / 17 dan salinan resit bayaran yuran tawaran.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL KEMENTERIAN PENDIDIKAN BLOK 'A', TINGKAT 1 BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN 'A' LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BANDAR SERI BEGAWAN, BA 3510 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

SYARAT TAMBAHAN

Antara syarat-syarat iklan yang perlu dipatuhi :

1. Penender adalah ditegah melibat sub-kontraktor atau menyewakan syarikat kepada pihak lain.

2. Penender hendaklah menyatakan harga yang ditawarkan bagi sewa sebulan.

3. Tempoh kontrak adalah selama tiga (3) tahun dan bayaran penuh hanya dibayar pada bulan Januari hingga November setiap tahun, manakala bulan Disember dikira mengikut hari perkhidmatan jika diperlukan sahaja.

4. Bot Temuai yang ditawarkan hendaklah berumur 10 tahun ke bawah pada 30 Jun 2019 atau didaftarkan bulan Jun 2009.

5. Bot Temuai yang ditawarkan hendaklah memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dan mestilah lulus dalam peperiksaan teknikal Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Rabu, 24 Februari 2016**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan, www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Peti Tawaran Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan Commonwealth Drive Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa pada 22 Mac 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG

TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran ISNIN hingga KHAMIS 8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI 2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG SABTU 8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/21/2016 (PPN)(TC)	THE SUPPLY AND DELIVERY OF ORTHODONTIC CONSUMABLES ITEMS AND INSTRUMENTS FOR NATIONAL DENTAL CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS [PART 1]	\$10.00	22/03/2016
KK/22/2016 (PPN)(TC)	THE SUPPLY AND DELIVERY OF ORTHODONTIC CONSUMABLES ITEMS AND INSTRUMENTS FOR NATIONAL DENTAL CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS [PART 2]	\$10.00	22/03/2016
KK/23/2016 (PPN)(TC)	THE SUPPLY AND DELIVERY OF ORTHODONTIC CONSUMABLES ITEMS AND INSTRUMENTS FOR NATIONAL DENTAL CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS [PART 3]	\$10.00	22/03/2016
KK/24/2016 (PPN)(TC)	THE SUPPLY AND DELIVERY OF ORTHODONTIC CONSUMABLES ITEMS AND INSTRUMENTS FOR NATIONAL DENTAL CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS [PART 4]	\$10.00	22/03/2016
KK/25/2016 (PPN)(TC)	THE SUPPLY AND DELIVERY OF ORTHODONTIC CONSUMABLES ITEMS AND INSTRUMENTS FOR NATIONAL DENTAL CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS [PART 6]	\$10.00	22/03/2016
KK/26/2016 (PPN)(TC)	THE SUPPLY AND DELIVERY OF ORTHODONTIC CONSUMABLES ITEMS AND INSTRUMENTS FOR NATIONAL DENTAL CENTRE FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS [PART 7]	\$10.00	22/03/2016
KK/27/2016 (JPK)(TC)	MANAGEMENT AND OPERATION OF THE CANTEEN AT THE PUSAT KESIHATAN BERAKAS FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$10.00	22/03/2016

TAWARAN

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/28/2016 (JPK)(TC)	MANAGEMENT AND OPERATION OF THE CANTEEN AT THE PUSAT KESIHATAN PENGKALAN BATU FOR FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$10.00	22/03/2016
KK/29/2016 (JPK)(TC)	MANAGEMENT AND OPERATION OF THE CANTEEN AT THE PUSAT KESIHATAN PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MUTAWAKKILAH HAYATUL BOLKIAH GADONG FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS	\$10.00	22/03/2016



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/05(2)
LAUNDRY SERVICE
(NORMAL WASHING) FOR MUARA -
FIVE (5) YEAR CONTRACT
BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

FIVE (5) YEAR CONTRACT
BAYARAN TAWARAN :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/06(2)
PERKHIDMATAN "LAUNDRY"
(CUCIAN BIASA)
UNTUK TENTERA, RIMBA -
FIVE (5) YEAR CONTRACT
BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/144(2)
LAUNDRY SERVICE FOR THE
THIRD BATTALION, LUMUT CAMP -

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Selasa, 29 Mac 2016** di Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada 7 Mac 2016.

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510,

Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis :
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat : 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima

lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Sabtu, 20 Februari 2016. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.**

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa, 22 Mac 2016.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran
ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI
2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act (Cap. 114)*.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

BIL. TAWARAN : KK/20/2016 (UPP)(TC)
KETERANGAN : SUPPLY AND DELIVERY
OF LAUNDRY DETERGENT FOR RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA
(RIPAS) HOSPITAL
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN : BND50.00
TAWARAN TARIKH TUTUP : Tidak lewat jam 2.00 Petang, 22 Mac 2016.

IKLAN WEBSITE PADA 20 FEBRUARI 2016.


DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
TEMBURONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SURAT KUASA PUSAKA

NO. TEMB/LA/01/2016

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AZILANAWATI BINTI AHAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AHAD BIN HAJI TENGHAH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TEMBURONG** pada **26 MAC 2016, pada jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Mac 2016.

(MUHAMMAD HARDY IMAN
BIN MUHAMMAD UKIT)
Pendaftaran Mahkamah Rendah
B/p. Timbalan Pegawai Waris
Temburong
Negara Brunei Darussalam.

SURAT KUASA PUSAKA

NO. TEMB/LA/09/2015

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MD. AMIN BIN HAJI IBRAHIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI IBRAHIM BIN MANAN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TEMBURONG** pada **26 MAC 2016, pada jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Mac 2016.

(MUHAMMAD HARDY IMAN
BIN MUHAMMAD UKIT)
Pendaftaran Mahkamah Rendah
B/p. Timbalan Pegawai Waris
Temburong
Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **hari Rabu, 13 Februari 2016**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive**

**Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen-dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa pada 15 Mac 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran
ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.00 PAGI
2.00 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukukan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*Drug and Medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah *Poison Act (Cap. 114)*.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangungan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

**BIL TAWARAN :
KK/18/2016(SMS)(TC)**

**KETERANGAN
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF CSSD CONSUMABLES
FOR STATE MEDICAL STORE
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00
TARIKH TUTUP :
tidak lewat Jam 2.00 Petang :
15 Mac 2016.**

**IKLAN WEBSITE PADA
13 FEBRUARI 2016.**


**DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**
**DI DALAM
MAHKAMAH MAJISTRET
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DIDENGAR
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

SAMAN BIL. NO. 200 TAHUN 2002

**DI ANTARA
KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- Plaintiff / Pemiutang Penghakiman
DAN
AWANG YUNOS BIN HAJI SARBINI
BIL. K/P. : 00-064504 (K)
- Defendan / Penghutang Penghakiman**

**NOTIS PEMBERITAHUAN
MENURUT PERINTAH
PENYAMPAIAN GANTI**

**KEPADA : AWANG HAMDI
BIN ABU BAKAR**
Alamat terakhir diketahui ialah di
**No. 25'D'
Kampung Bukit Salat, BE1311
Negara Brunei Darussalam.**

SILA AMBIL PERHATIAN baliawa satu Saman Penghutang Penghakiman telah difailkan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dimana kamu dikehendaki hadir di Mahkamah Majistret di Bandar Seri Begawan pada **16 Februari 2016 pada jam 8.30 Pagi** untuk memberi sebab mengapa penghakiman yang dijatuhkan dalam kes yang tersebut di atas tidak patut dilaksanakan dengan tahanan dan penjualan harta alih kamu dan / atau dengan menahan kamu di dalam penjara sebagai seorang banduan sivil.

DAN ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa penyampaian saman tersebut dilakukan kepada kamu secara pemberitahuan ini di Pelita Brunei yang tersebut di atas dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa jika kamu tidak hadir, satu waran penangkapan atau perintah boleh dibuat terhadap kamu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Kehadiran kamu boleh diketepikan dengan syarat wang penghakiman yang terhutang kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu sebanyak **B\$2,801.22**, faedah kadar **6% setahun** mulai dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh dan kos sebanyak **B\$400.00**.

**Bertarikh pada hari ini haribulan
6 Januari 2016.**

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini difailkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguamcara dan Peguambela bagi Plaintiff yang alamat penyampaian ialah Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, BA 1910, Negara Brunei Darussalam.

BIL. SAMAN NO. 200 TAHUN 2002

**DI ANTARA
KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- Plaintiff / Pemiutang Penghakiman
DAN
AWANG YUNOS BIN HAJI SARBINI
BIL. K/P. : 00-064504 (K)
- Defendan / Penghutang Penghakiman**

**NOTIS PEMBERITAHUAN
MENURUT PERINTAH
PENYAMPAIAN GANTI**

**Difailkan pada hari ini haribulan
- 5 JAN 2016.**

**PEJABAT PEGUAM NEGARA
Peguamcara dan Peguambela
Untuk Pemiutang Penghakiman
Bangunan Undang-Undang
Jalan Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha
Bandar Seri Begawan, BA 1910
Negara Brunei Darussalam.
[Rujukan: AG/ADV/R/38(8)]**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT
JUALAN SECARA SEBUT HARGA
BAGI 01 LOT HARTA BENDA KERAJAAN
KEPUNYAAN ANGKATAN
BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan untuk memberikan sebut harga bagi penjualan kenderaan- kenderaan, trailer dan jentera dan kerja-kerja pengangkutanannya yang dihapuskan dari kira-kira seperti tersenarai di dalam borang sebut harga.

2. Yuran dokumen **sebanyak BND10.00 tunai (tidak dikembalikan)** bagi satu borang sebut harga dan borang tersebut boleh diambil di alamat berikut :

**Blok C, Tingkat Satu
Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Jabatanarah Kewangan & Perolehan
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison.**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar kepada alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN PEMBELIAN &
PENGANGKUTAN
BARANG YANG DIHAPUSKAN DARI
KIRA-KIRA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
RUJUKAN:
MINDEF/DFA/MWOC/L/1 (03/2016)**

4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam :

**Box No. 6, Peti Sebut Harga
Blok D, Tingkat Bawah
Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Jabatanarah Kewangan & Perolehan
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison**

**5. Tarikh tutup : Hari Rabu, 16 Mac 2016,
tidak lewat jam 10.00 Pagi.**

6. Tawaran yang **lewat diterima** dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

7. Keterangan yang dicatatkan di dalam borang sebut harga tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatan-kuasa ini. Setiap sebut harga hendaklah dicatat dengan angka yang jelas dan betul termasuk jumlah perkataannya.

8. Harga bagi setiap tawaran hendaklah **tidak kurang dari harga-harga permulaan** yang telah ditetapkan. Mana-mana tawaran yang kurang dari harga-harga yang ditetapkan besar kemungkinan tidak akan dipertimbangkan.

9. Sebut harga Tuan / Puan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan jika :

9.1 Tidak membubuh **TANDATANGAN, CAP SYARIKAT** (jika berkenaan) **DAN NOMBOR RESIT.**

9.2 Mengubah apa-apa keterangan tawaran sebut harga dengan menggunakan **"CORRECTION FLUID"**.

10. Dokumen sebut harga akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan resit pembayaran yuran tawaran kepada Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan.

11. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga asal (*original*) yang telah disediakan. Borang-borang yang disalin tidak akan diterima dan dilayan.

12. Barang-barang yang dilelong ini bolehlah dilihat di tempat yang disediakan iaitu di Stor RSSD, Jabatanarah Logistik, Bolkiah Garison.

13. Pembeli yang berjaya dikehendaki **membayar penuh secara tunai** dan memindahkan kenderaan-kenderaan, trailer dan jentera yang dibeli itu tidak lewat tujuh (7) hari bekerja dari tarikh makluman berjaya. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

14. Jika sekiranya harga yang ditawarkan dan harga permulaan adalah sama / tidak berubah, sebut harga berkenaan tidak semestinya berjaya. **Semua pembelian adalah berasaskan as is dan where is.**

15. Waktu-waktu penerimaan pembayaran dan menyerahkan barang-barang tersebut adalah seperti berikut :

**Hari Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 3.00 Petang
Hari Jumaat
8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi dan
2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

16. Pihak Jawatankuasa Penghapusan dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan berhak untuk mengeluarkan / menarik balik tawaran kenderaan-kenderaan, trailer dan jentera berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

SYARAT-SYARAT WAJIB

17. Pembeli yang berjaya mestilah menyediakan pengangkutan sendiri dan kelengkapan keselamatan kepada pekerja-pekerjanya bagi mengelakkan bahaya dan segala kerja-kerja pemindahan hendaklah dilaksanakan dengan selamat.

18. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

19. Pihak Jawatankuasa berhak membatalkan pembelian sekiranya penawar gagal menepati tempoh, peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

20. Kerajaan tidak terikat untuk menerima keseluruhan atau sebahagian sebut harga yang dihadapkan.

21. Maklumat lanjut mengenai dengan barang-barang, lokasi-lokasi dan borang sebut harga berkenaan, sila hubungi pihak RSSD Jabatanarah Logistik, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison di talian +6732386900 / +6732386139 / +6732386147 untuk melihat / mengetahui keadaan kenderaan-kenderaan, trailer dan jentera berkenaan.

Meningkatkan kemahiran pengiktirafan keselamatan makanan



PEMANGKU Pengarah Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Abdul Halidi bin Mohd. Salleh (depan, lima dari kiri) semasa sesi bergambar ramai bersama para peserta kursus.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

PDI anjurkan kursus mengenai ibadat zakat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN. - Lebih 55 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan di negara ini telah mengikuti Kursus Pengukuhan Islam Fiqh Az Zakat selama empat hari bermula 29 Februari hingga 3 Mac 2016.

Kursus yang dianjurkan oleh Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) itu diadakan di Bilik Al-Muhazzib dan Bilik Al-Basyir, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan disertai oleh 27 peserta lelaki dan 28 peserta perempuan.

Dalam kursus tersebut, para peserta didedahkan mengenai perkara yang bersangkutan-paut dengan zakat seperti pengertian zakat, dalil kewajipan zakat, hubungan zakat dengan sembahyang, zakat dan perhubungan persaudaraan, jenis-jenis zakat serta pentadbiran dan pelaksanaan zakat di Negara Brunei Darussalam, kaedah atau cara pengiraan zakat dan sebagainya.

Kursus dikendalikan oleh Pegawai PDI, Awang Haji Anwari bin Haji Rawee.

Pada tahun ini, Unit Kursus PDI membuat sedikit perubahan iaitu mengadakan satu sesi khas penerangan mengenai perancangan kewangan

Islam yang mana kemampuan mengeluarkan zakat juga merupakan satu manifestasi perancangan kewangan yang betul dan bermatlamat dalam merebut keuntungan dunia dan akhirat.

Peserta juga membuat lawatan ke Bahagian Agihan dan Kutipan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam iaitu bagi mengetahui lebih lanjut mengenai pentadbiran dan pengurusan zakat di negara ini termasuk bagaimana zakat fitrah dan harta dikutip dan seterusnya diagihkan kepada asnaf yang berhak.

Kursus berkenaan merupakan Rancangan Tahunan Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah dengan objektifnya untuk meningkatkan pengetahuan mengenai rukun Islam yang keempat (zakat), memberikan kefahaman yang betul mengenai ibadat zakat dan melahirkan kesedaran mengenai kewajipan mengeluarkan zakat.

Melalui kursus ini, PDI berharap akan dapat memberi kefahaman, mengulang kaji pengetahuan, meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada untuk dapat diamalkan dalam kehidupan dan menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Kursus Pengukuhan Islam Fiqh Az Zakat di Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Februari. - Pemangku Pengarah Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Abdul Halidi bin Mohd. Salleh telah merasmikan Kursus Latihan Untuk Penilaian Piawaian Antarabangsa Bagi Pengurusan Risiko (Hazard Analysis Critical Control Point - HACCP dan Program Prasyarat).

Kursus tersebut dianjurkan oleh Jabatan Perikanan, KSSUP dan akan dijalankan dalam dua fasa, yang mana fasa pertama adalah dari 29 Februari hingga 5 Mac 2016 dan fasa kedua akan diadakan pada 22 hingga 24 Mac 2016.

Seramai 15 peserta menyertai kursus berkenaan iaitu terdiri dari Jabatan Perikanan, KSSUP serta dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan beberapa bahagian dari dalam kementerian ini khasnya dari Bahagian Keselamatan Agrimakanan dan Bahagian Biosekuriti.

Fasa pertama melibatkan teori tentang pengurusan risiko keselamatan makanan dalam perniagaan makanan, manakala fasa kedua akan melibatkan pendekatan praktikal di mana para peserta akan membuat penilaian kepatuhan HACCP ke atas syarikat perusahaan perniagaan makanan.

Kursus Latihan HACCP yang diiktiraf ini adalah bertujuan bagi meningkatkan lagi keupayaan pihak

berkuasa yang berkecualan, iaitu Jabatan Perikanan di dalam melaksanakan pemeriksaan dan pengauditan ke atas sistem HACCP secara komprehensif bagi kilang pemprosesan makanan laut untuk mengeksport.

Pengusaha perniagaan dalam sektor perikanan telah pun mengeksport ke Negara Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan negara-negara ASEAN. Beberapa buah syarikat telah bersedia untuk mengembangkan dan mengeksport produk mereka ke pasaran Kesatuan Eropah (EU).

Jabatan Perikanan telah pun diiktiraf sebagai pihak berkuasa yang berkecualan oleh 'Directorate-General for Health and Consumers' dari EU bagi negara bukan EU untuk mengeksport ke negara EU.

Walau bagaimanapun, bagi memenuhi keperluan prasyarat bagi sesebuah negara yang akan dibenarkan untuk eksport ke EU adalah dengan memastikan bahawa semua pegawai yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti kawalan rasmi mestilah berkecualan serta terlatih untuk melaksanakan fungsi masing-masing.

Oleh yang demikian, kursus latihan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan mendapatkan pengiktirafan kepada keselamatan makanan (HACCP) untuk pegawai pemeriksa dan kakitangan teknikal di Jabatan Perikanan termasuk di sektor agrimakanan yang terlibat dalam meluluskan sistem HACCP.

Di samping itu, akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan skil kepada peringkat yang lebih tinggi serta diiktiraf dan seterusnya dapat menjadi tenaga pengajar yang mana boleh melatih mana-mana pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat, sekali gus meningkatkan nilai pelaburan di dalam program HRD dalam jangka masa sederhana hinggalah ke jangka masa panjang.

Bengkel menghalusi bacaan sembahyang untuk belia

MUARA, Isnin, 29 Februari. - Sembahyang adalah satu ibadah wajib yang amat penting. Ia mesti dititik beratkan bagi seluruh Muslimin dan Muslimah tidak kira umur, bangsa dan keturunan. Sembahyang yang khusyuk juga boleh menyelesaikan segala masalah kehidupan di dunia dan di akhirat.

Bengkel Menghalusi Bacaan dalam Sembahyang yang diadakan di Masjid Setia Ali Pekan Muara yang disertai oleh 100 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Masjid diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan yang disampaikan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Bengkel yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Unit Belia, Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali Pekan Muara diharap akan dapat melahirkan belia-belia yang berilmu pengetahuan dalam tata tertib sembahyang serta bacaan yang baik untuk mencapai kesempurnaan dan kekhushyukan dalam sembahyang.

Antara objektif bengkel tersebut ialah memberikan kesedaran kepada golongan belia agar sentiasa mendekatkan diri dengan masjid, di samping memberikan pengetahuan dan kefahaman tentang solat dan hukum-hukumnya.

Ia juga dihasratkan untuk menambah ilmu pengetahuan tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan sembahyang dan sekali gus



PENGARAH Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh (kiri) menyampaikan sijil kepada peserta yang mengikuti Bengkel Menghalusi Bacaan dalam Sembahyang.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

menghalusi bacaan solat serta menghayati isi-isi yang terdapat di dalam solat.

Sebagai salah satu aktiviti JHEM untuk mengeratkan silaturahim sesama belia, ia juga adalah untuk mendidik belia dengan ilmu agama serta membimbing ke arah kesempurnaan insan.

Antara kandungan yang disampaikan dalam bengkel tersebut adalah memberi penerangan mengenai

beberapa bacaan yang wajib dibaca ketika solat.

Selain itu, ia memberikan peluang kepada para peserta untuk mengetahui bacaan terutama Surah Al-Fatihah, lafaz takbiratul ihram, bacaan tahyat dan bacaan-bacaan lain. Seterusnya memberikan bimbingan cara-cara penyambungan dari satu ayat ke satu ayat yang lain khususnya Surah Al-Fatihah.

Walkaton Amal berjaya kutip BND21,074

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Mac. - Sejumlah BND21,074 telah berjaya dikumpul pada acara Walkaton Amal Sempena 50 Tahun Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) 1437 Hijrah /

2016 Masihi yang berlangsung di padang dan belapan SMALHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan kutipan derma tersebut ialah Menteri

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Md. Ali



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sumbangan derma kepada wakil Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei Muara.

Aduan sotong tercemar bahan pengawet disiasat

Siaran Akhbar : Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Mac. - Berhubungan dengan kenyataan yang disampaikan melalui media sosial oleh salah seorang pelanggan Pasar Gadong yang mengadu mengenai sotong yang dibelinya pada hari Jumaat, 4 Mac 2016 yang lalu, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), telah pun mengambil contoh-contoh sotong dari penjual yang dimaksudkan termasuk juga dari penjual-penjual yang lain di Pasar Gadong untuk dianalisis di makmal Bahagian Keselamatan Agrimakanan, KSSUP bagi kemungkinan terdapat penggunaan kimia formaldehyde sebagai pengawet.

Hasil penganalisaan tersebut adalah didapati bahawa tiada pencemaran formaldehyde ke atas contoh-contoh sotong yang diambil dari Pasar Gadong pada hari Ahad, 6 Mac 2016.

Walau bagaimanapun KSSUP akan berkerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk siasatan lanjut mengenai perkara ini.

Sudah menjadi aktiviti Jabatan Perikanan dalam sentiasa melaksanakan pemantauan dan penganalisan ke atas ikan / udang yang dijual kepada orang ramai sama ada dari pasar, pasar raya dan kolam-kolam ikan / udang tempatan dari segi kandungan formaldehyde, logam berat (heavy metals), organisma air kemerah-merahan, antibiotik dan sebagainya yang boleh memudaratkan kesihatan orang ramai.

Jika didapati ada kesan-kesan kandungan bahan yang dinyatakan di atas, pihak Jabatan Perikanan akan merampas dan memusnahkan ikan / udang yang tercemar tersebut.

Adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Kesihatan Awam Penggal 182 jika seseorang menyediakan, menjual atau mengimport bahan makanan yang boleh menjejaskan kesihatan dan tidak selamat bagi makanan manusia atau tercemar.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda atau penjara selama lima tahun atau kedua-duanya sekali. Mereka yang sabit kesalahan boleh juga digantung lesen-lesen aktiviti pengilangan, penjualan dan pengedaran.

Pihak jabatan menyeru orang ramai untuk melaporkan mana-mana ikan / udang yang disyaki tercemar dengan memaklumkan tempat membeli dan seterusnya mengambil contoh ikan / udang yang diragui dengan menghubungi secepat mungkin melalui talian +673 2770066 pada waktu bekerja atau talian Hotline Jabatan Perikanan +673 7297771.

PELITA BRUNEI BOLEH DIBACA SETIAP HARI
MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA TERKINI.

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Hasil kutipan derma berkenaan adalah bagi menerbitkan majalah 50 Tahun SMALHB dan keperluan sekolah dan didermakan kepada pelajar-pelajar SMALHB yang kurang berkemampuan, Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Tabung kebajikan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara; Persatuan KACA dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Terdahulu itu, pelepasan walkaton sejauh 2.82 kilometer (km) bagi peserta lelaki telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan yang turut menyertai acara tersebut.

Sementara itu, pelepasan walkaton sejauh 2 km bagi peserta perempuan telah disempurnakan oleh isteri Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Datin Hajah Norhaidan binti Haji Sulaiman.

Semenjak penubuhan sekolah berkenaan pada tahun 1956, ia kini sudah menjangkau usianya 50 tahun yang mana ramai ulama, cendekiawan Islam dan pemimpin telah dihasilkan semenjak ia mula ditubuhkan.

Bagi memperingati kejayaan sekolah tersebut dan mengenang jasa bekas tenaga pengajar, kakitangan dan pelajar sekolah itu maka pihak sekolah berusaha untuk menjalankan pelbagai aktiviti seumpamanya

termasuk Walkaton Amal ini.

Antara objektif walkaton amal tersebut ialah bagi mempromosi cara hidup sihat dan mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu beriadah, di samping untuk meningkatkan semangat kesukanan di kalangan warga dan alumni SMALHB serta keluarga.

Selain itu, ia juga adalah bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan mereka dan sebagai inisiatif bagi menambah kewangan sekolah untuk membeli keperluan sekolah untuk meningkatkan lagi mutu pembelajaran di sekolah berkenaan.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Juned.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (empat, kanan) semasa menyertai Walkaton Amal Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Beriadah sambil beramal



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah (depan, empat dari kanan) ketika menyertai Walkaton Amal Bertaja untuk mengutip Derma bagi Tabung Anak Yatim Daerah Temburong.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Ahad, 6 Mac. - Sejumlah BND8,666.68 (lapan ribu enam ratus enam puluh enam ringgit enam puluh lapan sen) telah diserahkan kepada Tabung Anak Yatim Daerah Temburong dalam satu majlis yang berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah kepada Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Amir Hairil bin

Haji Mahmud selaku pengerusi tabung berkenaan bagi sesi 2015 - 2017.

Sumbangan diserahkan semasa berlangsungnya acara walkaton amal bertaja untuk mengutip derma bagi Tabung Anak Yatim Daerah Temburong, yang bermula dari Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar menuju ke Jalan Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Pekan Bangar dan kembali berkumpul semula di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan.

Selain Pegawai Daerah Temburong dan para pegawai serta kakitangan Jabatan Daerah Temburong, walkaton

juga disertai oleh para pegawai dan kakitangan dari beberapa agensi kerajaan serta para penduduk di daerah ini.

Bagi memeriahkan acara, beberapa aktiviti sampingan juga diadakan seperti senamrobik beramai-ramai dan pameran motosikal serta pameran dari beberapa agensi kerajaan di daerah ini termasuk kempen derma darah dan pemeriksaan kesihatan untuk orang ramai.

Acara riadah sambil beramal anjuran Jabatan Daerah Temburong melalui Jawatankuasa Kerja Tabung Anak Yatim Dareah Temburong seumpama ini akan diungkayahkan setiap tahun dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan orang-orang perseorangan.

RANCANG PERBELANJAAN DEMI MASA DEPAN

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.